

Mhi **MELAKA HARIINI**
Sejak 1982

ملک هاری این

Menyambut Ulang Tahun Ke-40



Dapatkan e-paper
MHI di sini

KENAPA PERLU BERHUTANG KALAU ADA YANG PERCUMA JOM BELAJAR DI MISDEC

98% PELATIH KAMI TAMAT DENGAN JAMINAN KERJA. JANGAN LEPASKAN PELUANG UNTUK MENYERTAI KAMI



IMBAS DISINI
UNTUK PENDAFTARAN

06-335 3576 / 019-206 3356

UNTUK MAKLUMAT

 Laman Rasmi MISDEC

 misdecofficial

 @ohmisdec

 MISDEC

DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA

INDUSTRIAL AUTOMATION ENGINEERING SYSTEMS SUPPORT

SYARAT KEMASUKAN

- WARGANEGARA MALAYSIA
- BERUMUR 17 TAHUN KE ATAS
- KEUTAMAAN KEPADA ANAK MELAKA
- MEMILIKI SKM TAHAP 3 DALAM BIDANG AUTOMASI/MEKANIKAL/ELEKTRIKAL
- SARAPAN DAN MAKAN TENGAHARI DISEDIAKAN
- MINUM PAGI & MAKAN TENGAHARI SEPUENUHNYA
- YURAH PENGAJIAN DITANGGUNG SEPUENUHNYA
- ELAUN SARA HIDUP SETIAP BULAN
- PENEMPATAN KERJA SELAPAS TAMAT LATIHAN

KELEBIHAN PROGRAM

- ELAUN SARA HIDUP
- SARAPAN DAN MAKAN TENGAHARI DISEDIAKAN
- PENEMPATAN PEKERJAAN SELEPAS TAMAT LATIHAN
- YURAH PENGAJIAN DITANGGUNG SEPUENUHNYA
- ELAUN SARA HIDUP SETIAP BULAN
- PENEMPATAN KERJA SELAPAS TAMAT LATIHAN

TEMPOH PEMBELAJARAN

18 BULAN TERMASUK 6 BULAN LATIHAN INDUSTRI (LI)

DIKTRIF OLEH:

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK)
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

PEMASANGAN SISTEM KEJURUTERAAN AUTOMASI INDUSTRI

MC-091-3:2016

SYARAT KEMASUKAN

- LEPASAN SEKOLAH
- SIHAT TUBUH BADAN
- WARGANEGARA MALAYSIA
- BERUMUR 16-25 TAHUN

**KELEBIHAN PROGRAM**

- ELAUN SARA HIDUP
- SARAPAN DAN MAKAN TENGAHARI DISEDIAKAN

SIJIL DIPEROLEHI

- SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA TAHAP 3 JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

TEMPOH PENGAJIAN

- 1 TAHUN 6 BULAN TERMASUK LATIHAN INDUSTRI 3 BULAN



DIKTRIF OLEH:
JABATAN PEMBANGUNAN
KEMAHIRAN (JPK)
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



Dapatkan e-paper
MHI di sini

Tutup sekolah atau tidak?

● PENINGKATAN kluster pendidikan sejak akhir-akhir ini semakin membimbangkan apabila sebanyak 11 kluster COVID-19 direkodkan di Melaka, termasuk dua pelajar dijangkiti varian Omicron. Jabatan Kesihatan Negeri Melaka mencadangkan agar langkah penutupan sekolah perlu dilaksanakan untuk membendung penularan, namun cadangan itu mendapat reaksi pelbagai daripada ibu bapa. Ada yang bersetuju, namun tidak kurang juga ada yang risau anak-anak terus tercincir dalam pelajaran sekiranya sekolah ditutup. Persoalannya, perlu atau tidak penutupan sekolah dilakukan? **4&5**

>>
PENJAGA menghantar anak ke sekolah ketika pembukaan semula sesi persekolahan penggal ketiga bulan lalu.
Foto Iqmal Haqim Rosman



Pulau 'premium'
Melaka dibuka **7**



Lupa belum ada lesen **24**

Tarian singa, naga kembalikan aura raya



27

Cadang tutup sekolah jika tidak terkawal

Fiqa Jamal

AYER KEROH - Susulan peningkatan jangkitan COVID-19 membatikan kluster pendidikan, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Melaka mencadangkan sesi persekolahan secara fizikal ditutup.

Pengarah Kesihatan negeri, Dr Rusdi Abd Rahman berkata jika si-

tuasi jangkitan sukar dikawal, JKNM melihat ada keperluan menutup sekolah memandangkan pertambahan kluster pendidikan.

Katanya, JKNM turut akan mencadangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk mendapatkan kaedah lain bagi mengawal penularan jangkitan selain menguatkuaskan pros-

edur operasi standard (SOP) sedia ada.

"Ada keperluan menutup sekolah jika kes positif terus melonjak dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) perlu ada pelan tindakan khusus untuk perkara ini."

"Bagaimanapun, keputusan menutup sekolah adalah diperintahkan Kementerian Pendidikan dan

kita hanya mencadangkan berdasarkan penelitian fakta yang diperolehi daripada semua pihak berkaitan," katanya ketika dihubungi.

Tambah Rusdi, cadangan penutupan sekolah itu juga susulan 671 guru dan pelajar positif COVID-19 daripada 11 kluster pendidikan di negeri ini setakat 4 Feb.



DR Rusdi

Tutup sekolah: Reaksi bercampur-baur ibu bapa

Siti Salehah

AYER KEROH - Peningkatan mendadak kluster pendidikan meresahkan penduduk negeri ini khusus ibu bapa yang khawatir anak mereka dijangkiti COVID-19 jika tidak ada sebarang langkah menanganinya diambil segera.

Ketika tinjauan dilakukan Melaka Hari Ini ada dalam kalangan ibu bapa menyokong cadangan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Dr Rusdi Abd Rahman, agar sesi persekolahan ditangguhkan sementara.

Ada yang ditemui lebih selesa jika sesi pembelajaran secara fizikal digantikan dengan sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).



HAFIZAL

Tidak kurang pula yang berharap kerajaan memperketatkan lagi prosedur operasi standard (SOP) di sekolah demi menjamin keselamatan anak masing-masing.

Bapa kepada empat

anak, Hafizal Kamal, 47, sentiasa memantau perkembangan terkini COVID-19 di negeri ini terutamakem membabitkan pelajar daripada kluster pendidikan.

"Walaupun pematuhan SOP ada dipraktikkan di sekolah namun apabila penularan berlaku kita sebagai ibu bapa pasti risaukan keselamatan anak-anak.

"Jumlah kes ketika ini membimbangkan rasanya elok dilaksanakan PdPR, bendung dulu penularan kes membabitkan kluster pendidikan.

"Kalau dibiarkan saya risau penularan sukar untuk dikawal," katanya.

Mardhiah Nordin, 32, pula berkata, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu mengambil langkah



MARDHIAH

segera untuk menanganai penularan jangkitan dalam kalangan murid dan pelajar.

Dia juga bersetuju jika sesi persekolahan ditutup sementara ataupun diteruskan dengan PdPR kerana anak-anak yang masih kecil

mungkin tidak begitu memahami SOP.

"Dalam hal ini semua pihak perlu memainkan peranan dan lebih bertanggungjawab, ibu bapa kena pastikan anak-anak sihat sebelum dihantar ke sekolah ia sebagai langkah pencegahan awal," katanya.

Namun Hamzah Hashim, 45, pula berpendapat penutupan sekolah secara menyeluruh tidak perlu dilakukan kerana akan mengganggu pembelajaran anak-anak sebaliknya mencadangkan jumlah kehadiran pelajar dihadkan.

"Apabila jumlah pelajar yang sedikit hadir ke sekolah secara tidak langsung penjarakan fizikal dapat dilaksanakan berbanding waktunya yang dilihat ke-



HAMZAH

hadiran agak ramai.

"Atau pun untuk waktu ini utamakan calon bakal menduduki peperiksaan sahaja yang lain hadkan dengan mengikut penggiliran tetapi dalam kapasiti terhad," katanya.

Setuju atau tidak?

AYER KEROH - Undian yang dijalankan di platform media sosial Melaka Hari Ini menunjukkan majoriti ibu bapa dan penjaga kanak-kanak di negeri ini bersetuju sesi persekolahan ditutup dalam usaha membendung penularan kluster pendidikan.

Menerusi undian dijalankan di Instagram membabitkan 2,500 responden, seramai 1,777 atau 71 peratus bersetuju sekolah ditutup manakala 723 atau 29 peratus lagi menyatakan pendapat berbeza.

Manakala undian di Facebook pula menunjukkan seramai 262 responden atau 74.2 peratus bersetuju manakala 91 atau 25.8 peratus tidak setuju sekolah ditutup.



Kluster Pendidikan di Melaka: Setuju atau tidak sekolah ditutup?

Tutup sekolah berisiko sahaja - PIBG

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Keputusan menutup sesi persekolahan di negeri ini hanya seuai dilaksanakan jika tahap penularan COVID-19 sudah tidak mampu dikawal.

Yang Dipertua Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan (SK) Durian Tunggal Azhar Abu Bakar berkata, sejak ini, kluster pendidikan hanya membabitkan sekolah tertentu sahaja.

Katanya, pelajar dalam Kluster Pendidikan yang dilaporkan positif juga hanya dikategorikan sebagai pesakit tahap 1 dan 2.

"Tidak perlu tutup jika tiada penularan kes yang tinggi. Kalau hanya ada seorang dua yang positif, jadi pelajar itu perlu diquarantine dan kelas disanitasi.

"Tetapi jika ia melibatkan tenaga pengajar sehingga terpaksa tutup tiga

atau empat kelas, barulah sekolah berkenaan perlu ditutup," katanya.

Sementara itu Yang Dipertua PIBG SK Ayer Keroh, Mat Noor Md Zin berkata tidak relevan untuk menutup semua sekolah kerana ia akan mengganggu sistem pendidikan.

"Bagi pihak PIBG, keperluan menutup sekolah hanya untuk yang ada kes COVID-19 yang tinggi.

"Jika hanya melibatkan pelajar dalam satu kelas tidak perlu lah satu sekolah ditutup hanya yang berisiko tinggi sahaja, seharusnya semua pihak perlu menjadikan norma baharu sebagai amalan harian.

"Kita tiada pilihan macam mana sekalipun kena hidup dalam COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan," katanya.

WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang letaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.

07 Februari - 13 Februari 2022 (05 Rejab - 11 Rejab 1443H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
07 FEBRUARI 2022	6.15 am	7.25 am	1.28 pm	4.48 pm	7.28 pm	8.39 pm
08 FEBRUARI 2022	6.15 am	7.25 am	1.28 pm	4.48 pm	7.28 pm	8.39 pm
09 FEBRUARI 2022	6.15 am	7.25 am	1.28 pm	4.48 pm	7.28 pm	8.39 pm
10 FEBRUARI 2022	6.15 am	7.25 am	1.28 pm	4.47 pm	7.28 pm	8.39 pm
11 FEBRUARI 2022	6.15 am	7.25 am	1.28 pm	4.47 pm	7.28 pm	8.39 pm
12 FEBRUARI 2022	6.15 am	7.25 am	1.28 pm	4.47 pm	7.28 pm	8.39 pm
13 FEBRUARI 2022	6.15 am	7.25 am	1.28 pm	4.47 pm	7.28 pm	8.38 pm

'Tak perlu tutup sekolah' - Akmal

Faiz Hasan

AYER KEROH - "Meskipun positif, pelajar kluster pendidikan ini hanya mengalami gejala ringan."

"Mereka dikategorikan sebagai pesakit tahap 1 dan 2 saja," kata EXCO Kesihatan negeri Dr. Muhamad Akmal Salleh.

Beliau berkata, demikian ketika mengulas mengenai keresahan ibu bapa susulan peningkatan kluster pendidikan aktif di negeri hingga ada yang setuju dengan cadangan penutupan sekolah.

Beliau berkata, tiada keperluan ke arah itu (penutupan sekolah), sebaliknya apabagayaperludilakukanialah meningkatkan prosedur operasi standard (SOP) untuk membendung penularan.

"Di Melaka, secara keseluruhan kita hanya merekodkan sebanyak 10.5 peratus pesakit COVID-19 di tempatkan di unit rawatan rapi (ICU) manakala pesakit di-tempatkan di hospital hanya 21.7 peratus."

"Seramai 94.2 peratus remaja di negeri ini sudah melengkapkan dua dos suntikan vaksin."

kan vaksin. Penutupan sekolah secara keseluruhan tidak perlu.

"Apabagayapentingdi sekolah perlu tingkatkan lagi SOP, takkanlah kita tak nak buka lagi sektor pendidikan ini sampai bila-bila," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Beliau mencadangkan pekerja, guru dan kontraktor ingin memasuki kawasan sekolah menjalani ujian kendiri setiap hari sebagai usaha mutuskan rantaian COVID-19.

"Cadangan ini juga termasuk tukang kebun dan pekerja kantin kerana mereka ini tinggal di luar, tapi berada dalam kawasan sekolah setiap hari."

"Jadi faktor kebolehjangkitan itu agak tinggi jika mereka berhubung dengan pelajar yang sebelum ini akan menjalani ujian sama sebelum memasuki asrama," katanya.

Menurutnya, peningkatan kes positif COVID-19 tidak seharusnya menjadi ukuran dalam negara yang akan beransur kepada fasa endemik tidak lama lagi.

"Kalau nak beralih ke fasa endemik, perkara ini kita



KELIBAT anak-anak yang hadir ke sekolah memakai pelitup muka. Foto: Iqmal Haqim Rosman

mesti terima dan tidak boleh memandang nilai kes positif COVID-19 namun kena lihat berapa jumlah tahap pesakit yang serius, itu lebih penting.

"Kalau kita nak menuju ke arah sifar COVID-19 itu memang perkara yang sukar kerana ia hanya boleh dicapai dalam tempoh 10 hingga 20 tahun.

"Seperti penyakit Influenza menyebabkan jutaan penduduk dunia maut pada 1918, mengambil masa yang lama sehingga hari ini dan

telah diimunisasi dalam badan kita disebabkan vaksin.

"Hari ini mereka yang menghidap Influenza hanya mengalami simptom selesema dan batuk sahaja," katanya.

Muhamad Akmal me-

nambah, orang ramai perlu bersedia untuk hidup dalam suasana COVID-19.

Ujarnya, jika ingin berliah ke fasa berikutnya, rakyat perlu sedar dan jauhkan stigma terhadap pengambilan vaksin serta penggalak.

Jabatan Pendidikan sedia sebarang kemungkinan - Rais

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Jabatan Pendidikan Negeri bersedia dengan sebarang arahan sekiranya sesi persekolahan secara bersemuka diarahkan tutup susulan peningkatan kes COVID-19 membabitkan kluster pendidikan di negeri ini.

EXCO Pendidikan negeri, Datuk Rais Yassin berkata, pihaknya dengan kerjasama

jabatan dan agensi terlibat bagaimanapun secara langsung telah berjaya mengawal kes COVID-19 di sekolah dengan mengambil langkah pencegahan awal.

Katanya, antara langkah diambil adalah menyediakan laporan yang tepat dan mengasingkan pelajar yang positif selain mengisolasi kontak rapat serta melakukan sanitasi segera terhadap sekolah yang terlibat.

"Untuk makluman, arahan penutupan sekolah adalah bergantung kepada penilaian risiko oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) secara khusus terhadap mana-mana sekolah yang wujud penularan itu."

"Setakat 4 Feb terdapat lebih kurang 309 pelajar yang telah dikuarantin dan hampir 86 pelajar selesai menjalani tempoh kuarantin kendiri manakala dua buah sekolah bersedia untuk dibuka semula selepas musim perayaan ini."

"Namun, pihak Jabatan Pendidikan Negeri sentiasa bersedia dengan sebarang arahan dan saranan yang berkemungkinan diberikan oleh JKN berhubung penutupan sesi persekolahan secara bersemuka," katanya dalam satu kenyataan pada 4 Feb.

Dalam pada itu, Rais berkata, bagi calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang positif dan masih menjalani kuarantin sama ada di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Bersepadu (PKRC) atau di rumah serta asrama sehingga 8 Feb ini, mereka terpaksa menangguhkan peperiksaan.

saan.

"Mereka akan menduduki peperiksaan lisan Bahasa Melayu pada sidang kedua pada bulan April 2022, yang mana tarikhnya akan ditentukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kelak," katanya.

Rais berkata, Jabatan Pendidikan Negeri bersama jabatan serta agensi terlibat sentiasa melipat-gandakan usaha kami membanteras wabak ini.

Beliau turut mengingatkan pelajar dan guru mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan meningkatkan langkah penjagaan dalam kalangan pelajar khusus berasrama di sekolah.

"Oleh itu, saya memohon agar semua pihak khususnya ibu bapa dan masyarakat sentiasa bersabar dan mendoakan agar usaha murni ini memperoleh kejayaan."

"Kerjasama daripada semua pihak amatlah diharapkan bagi memutuskan penularan COVID-19 ini dengan segera. Kita mesti menang bersama," katanya.



RAIS ketika menyerahkan pelitup muka kepada pelajar di Sekolah Kebangsaan Tanjung Minyak.

RAMALAN KAJI CUACA DI MELAKA 07 FEBRUARI - 10 FEBRUARI 2022





SANTUNI kemeriah perayaan masyarakat Cina..Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam ketika menghadiri sambutan Tahun Baharu Cina di kediaman Chiew Leng Swee di Taman Merak Mas, Bukit Katil, 1 Feb lalu.



TOH Puan Datuk Wira Asmah Ab Rahman (tengah) turut memeriahkan sambutan Tahun Baharu Cina yang dianjur Dr Williams Hau Wuei Huang dan keluarga di Jalan Ujong Pasir, 2 Feb lalu.

Jangan ambil kesempatan isu telur - Hee Sem

Siti Salehah

PENGKALAN BATU - "Jangan ambil kesempatan," itu tegas EXCO Hal Ehwal Pengguna negeri Ngwe Hee Sem kepada semua peniaga khususnya peniaga makanan di negeri ini susulan dakwaan berlakunya kekurangan telur gred C di pasaran.

Katanya, kekurangan telur C di pasaran mungkin disebabkan faktor permintaan tinggi dalam kalangan peniaga pada ketika ini.

Namun, tegasnya, ia bukanlah titik untuk mereka menaikkan harga

kerana perbezaan harga telur mengikut gred tidaklah begitu ketara.

"Telur gred C mungkin 'hot item', ramai peniaga beli dan permintaan tinggi mungkin sebab itu tidak cukup permintaan.

"Tapi orang ramai masih ada pilihan kerana telur gred A dan B masih ada, jangan jadikan isu memandangkan harga telur gred B dan gred C hanya beza 2 sen sahaja.

"Jadi ingin saya ingatkan kepada peniaga agar tidak menjadikan itu sebagai alasan untuk naikkan harga," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina 2022, di sebuah pasaraya di Bachang, 29 Jan lalu.

Beliau yang juga memegang portfolio Perpaduan, Hubungan Masyarakat dan Tenaga Kerja negeri berkata, bekalan telur Gred C tetap ada, namun ia mengambil sedikit masa untuk kembali berada di pasaran.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, hasil hasil lawatan turun padang

dilakukan mendapat harga yang ditawarkan kepada pengguna berpatutan dan mengikut garis ditetap bagi barang yang berada dalam harga kawalan.

"Saya amat berpuas hati apabila ada diantara barang harga kawalan yang dijual lebih murah dari ditetapkan contohnya timun batang yang dijual serendah RM0.88 sekilogram berbanding RM4.50.

"Selain itu ayam juga turut dijual RM7.88 sekilogram berbanding RM9.10 hingga RM10.10 yang ditetapkan," katanya.



HEE Sem meninjau harga telur ayam di sebuah pasar raya di Bachang susulan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina 2022.



KANAK-KANAK menghidap penyakit kronik disarankan mengambil vaksin COVID-19. (Gambar hiasan)
Foto: Iqmal Haqim Rosman

Kanak-kanak sakit kronik disarankan ambil vaksin COVID-19

Faiz Hasan

AYER KEROH - Ibu bapa kanak-kanak menghidap penyakit kronik disarankan menghantar anak masing-masing mendapatkan suntikan dos vaksin COVID-19.

EXCO Kesihatan negeri Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, suntikan vaksin tidak wajib untuk kanak-kanak namun disarankan bagi yang mempunyai masalah kesihatan seperti asma teruk dan keradangan paru-paru.

Beliau berharap penerimaan dan kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan suntikan vaksin kanak-kanak meningkat bagi mengelakkan penularan COVID-19 khusus dalam kalangan individu berisiko

tinggi.

"Bagi saya perkara ini tidak wajib kerana ia adalah atas kerelaan dan kita tak paksa siapa yang mahu ambil, tapi sebagai langkah berjaga-jaga perlulah kita mengambilnya."

"Lagipun jika melihat suntikan ini dos yang diberikan adalah tidak sama seperti dewasa kerana ia juga melibatkan penyesuaian gerak badan dan faktor fisiologikal kanak-kanak."

"Mengambil contoh di United Kingdom dan Amerika Syarikat telah pun memberikan suntikan ini kepada kanak-kanak. "Dapatkan kajian menyeluruh telah dilakukan menyatakan kebaikannya lebih daripada keburukan," katanya ke-

pada Melaka Hari Ini.

Dalam pada itu beliau berharap, pemerluan vaksin kanak-kanak di negeri ini dilakuaskan seperti vaksin dewasa.

"Melaka antara negeri terbaik di mana rakyatnya telah menerima vaksin lengkap jadi kita harapkan penerimaannya juga sama dengan vaksin kanak-kanak nanti."

"Bagi Melaka kita belum lagi membuka pusat vaksin untuk kanak-kanak dan dijangka pada awal atau pertengahan Februari akan dimulakan di negeri ini."

"Sebenarnya apa yang penting adalah penerimaan masyarakat terhadap vaksin, kita harap ini jalan ikhtiar kita untuk ke arah taraf kesihatan yang lebih baik," ujarnya.

Pelancongan 'Glamping' tarikan terbaharu Pulau Besar

Salman Hamat

TELOK MAS - Sasaran Melaka mencapai 5.6 juta pelancong tahun ini mampu dicapai dengan wujudnya tarikan baharu seperti eko pelancongan di 16 pulau di perairan Selat Melaka.

EXCO Pelancongan negeri Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, pihaknya kini sedang membangunkan tapak tarikan eko pelancongan *Glamping* (perkhemanan) di Pulau Besar yang kaya dengan sejarah dan landskap menarik.

"Pembersihan tapak yang kita beri nama Pantai Laguna sepanjang 200 meter sudah dijalankan. Bukan saja pantai yang cantik lokasi itu juga berhampiran hutan bakau."

"Pembangunan kawasan itu dijalankan dengan kerjasama Majlis Pembangunan Pulau-Pulau Melaka (MPPM) dan Unit Per-



MUHAMMAD Jailani



AKSI berbasikal di Pulau Besar bersempena Program Pulau Besar New Year Challenge 2022. Foto Iqmal Haqim Rosman

ancangan Ekonomi Negeri (UPEN)," katanya.

Beliau berkata, demikian selepas melepaskan peserta Pulau Besar New Year Challenge 2022 di Pulau Besar, 29 Jan lalu.

Hadir sama Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) Datuk Salhah Salleh dan Ketua Pegawai Eksekutif MPPM Majlis Pembangunan Pulau-Pulau Melaka (MPPM) Azhar

Yaaacob. Bagi menjayakan perancangan itu Muhammad Jailani akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Datuk Nancy

Syukri minggu depan. Dalam pada itu, mengulas mengenai pengajuran Pulau Besar New Year Challenge 2022, Muhammad Jailani berkata, lebih banyak pertandingan

seumpama itu akan diadakan selepas ini.

"Kali ini jumlah penyertaan dihadkan kepada 120 peserta saja kerana perlu patuh prosedur operasi standard (SOP) ditetap-

kan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Mungkin selepas ini MKN boleh beri kelonggaran SOP agar pengajuran selepas ini lebih meriah," katanya.

Melaka buka tiga pulau tahun ini

TELOK MAS - Pulau Nangka, Pulau Dodol dan Pulau Undan yang dikategorikan sebagai pulau premium bakal dibangunkan dan dibuka sebagai tarikan terbaharu pelancong di Melaka.

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan Pulau-Pulau Melaka (MPPM) Azhar Yaacob berkata, ketiga-tiga pulau berkenaan kaya dengan 150 jenis terumbu karang dan hidupan laut kelas A.

Katanya, perairan di pulau berkenaan juga memiliki 'seafan' lebih luas berbanding Sabah dan Sarawak yang amat sesuai untuk aktiviti snorkeling serta menyelam.

"Malah saiz ikan 'nemo' (ikan badut) di perairan kita juga lebih besar berbanding tempat lain. Di bawah klusters Pulau Besar ada enam pulau yang menarik, kebanyakannya belum terusik."

"Kajian untuk mewartakan pulau terabit sebagai taman laut juga sudah selesai dan akan dibawa ke peringkat kerajaan negeri dalam masa terdekat."

"Kos pembangunan tidak besar, cuma tetap-

kan peraturan untuk penguatkuasaan bagi agensi negeri dan persekutuan serta aktiviti pemuliharaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Program Pulau Besar New Year Challenge 2022 di Pulau Besar, 29 Jan lalu.

Pelepasan pertandingan membabitkan 120 peserta itu dilakukan EXCO Pelancongan Negeri Datuk Muhammad Jailani Khamis dan turut dihadiri Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Datuk Salhah Salleh.

Azhar berkata, langkah mewartakan pulau di Melaka khususnya Pulau Besar antara usaha penjenamaan semula lokasi peranginan itu sebagai sebuah lokasi bersih, selamat dan menenangkan.

"Kita juga ke arah membangunkan semula pusat resort di pulau ini yang terjejas akibat wabak COVID-19 sebelum ini."

"Jika perancangan ini dapat menarik 10 peratus pelancong ke Melaka juga sudah dianggap sebagai kejayaan amat bagus," katanya.



PULAU Besar kaya dengan pelbagai spesies terumbu karang dan sesuai untuk pelbagai aktiviti sukan air. Foto Iqmal Haqim Rosman

'Pulau Besar memang best!'

TELOK MAS - "Pulau Besar memang 'best', berbaloi bawa keluarga datang melancong ke Melaka. Saya juga dapat sedikit bonus," kata Heidilee Mohammad, 40, berasal dari Kota Kinabalu, Sabah.

Atlet sukan lasak itu dan rakannya Rita Ghani, 45, diumumkan sebagai johan kategori 'mix' (campuran) pada program Pulau Besar New Year Challenge 2022 berlangsung di Pulau Besar, 29 Jan lalu.

Di samping sedang bercuti di semenanjung tidak melepaskan peluang menyertai pertandingan itu selepas dimaklumkan oleh rakan.

"Sayatumpang rumah adik di Cyberjaya, jadi sempat membuat persiapan dan latihan meskipun masa singkat."

"Trek di Pulau Besar mencabar, malah bagi disiplin berkayak saya terpaksa bersaing dengan atlet lain yang lebih berpengalaman selain cabaran arus ombak yang kuat."

"Saya harap kerajaan Melaka teruskan pertandingan seperti ini saya Pulau Besar memang berpotensi untuk dimajukan sebagai lokasi eko pelancongan," katanya yang mewakili pasukan Fit Line Malaysia Sabah.

Sementara itu johan kategori 'open' (terbuka) lelaki Persatuan Sukan Lasak ATM Rejimen Ke-21 Komando diwakili Mohd Feldarus Abdul Rahman, 32, dan Mohd Nazri Ahmad, 38.

Feldarus berkata, mereka mengha-

biskan masa selama 10 hari untuk melakukan persiapan bagi menyertai pertandingan itu.

"Pada pertandingan ini kami berpeluang bersaing dengan atlet sukan lasak yang ternama memang tak sangka akan menang."

"Selain itu persediaan untuk disiplin kayak juga kurang kerana tidak ada tempat latihan yang sesuai," katanya.

Untuk rekod, Pulau Besar New Year Challenge 2022, disertai seramai 120 peserta yang perlu melalui empat cabaran secara berpasukan iaitu berlari, berbasikal lasak, berkayak dan memanjat tembok.

Johan bagi setiap kategori membawa pulang hadiah wang tunai RM 1,500.



HEIDILEE Mohammad, 40 dan Rita Gani, 45 pada Program Pulau Besar New Year Challenge 2022 di Pulau Besar. Foto Iqmal Haqim Rosman

NO2 - TANJUNG BIDARA

Naik taraf jalan untuk keselesaan penduduk

Salman Hamat

TANJUNG BIDARA - Projek menaik taraf jalan di Kampung Pengkalan Balak dan Kampung Londang bakal memberikan keselesaan kepada penduduk khusus pemilik kediaman di kawasan itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bidara Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, keadaan jalan tidak sempurna menyebabkan pemilik kediaman di dua laluan berkenaan berdepan kesukaran terutama setiap kali musim hujan.

"Permohonan berjumlah RM74,000 untuk kerja naik taraf kedua-dua laluan berkenaan sudah diluluskan. Difahamkan kontrak-

tor dilantik sudah memulakan kerja dan dijangka siap sepenuhnya dalam masa terdekat.

"Kitajuga beri perhatian kepada kemudahan lain seperti longkang dan balai raya yang perlu dinaik taraf bagi menjamin keselesaan penduduk di Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Bidara," katanya.

Terdahulu pada 20 Jan lalu wakil JAPERUN Tanjung Bidara, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) kedua-dua kampung serta pegawai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah turun padang meninjau keadaan laluan berkenaan.

FOKUS
DUN



WAKIL JAPERUN Tanjung Bidara, JPKK dan pegawai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah turun padang meninjau keadaan laluan yang akan dinaik taraf.

NO1 - KUALA LINGGI

Kaki pancing berentap di Telok Gong

KUALA LINGGI - Ratusan kaki pancing seluruh negara berentap dalam pertandingan memancing yang dianjurkan di Telok Gong, di sini, baru-baru ini.

Pertandingan yang menawarkan hadiah wang tunai RM35,000 untuk juara itu dimenangi pemancing dari Sungai Udang, Ahmad Zazruddin Ahmad Fauzi yang menaikkan tangkapan ikan pari seberat 1.5 kilogram.

Majlis penutup pertandingan memancing itu telah disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Linggi Rosli

Abdullah.

Rosli turut menyampaikan hadiah kepada pemenang utama pertandingan itu.

"Alhamdulillah pertandingan memancing ini mendapat sambutan yang cukup meriah.

"Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada para pemenang. Kepada yang tidak menang, jangan putus asa kerana bulan depan masih ada lagi peluang untuk tuan-tuan mencuba."

"Mari kita sama-sama memeriahkan pertandingan ini lagi di bulan hadapan," katanya.



ROSLI membunyikan 'air horn' tanda berakhirnya pertandingan memancing di Telok Gong, baru-baru ini.

NO3 - AYER LIMAU



HAMEED menyantuni masyarakat di sekitar DUN Ayer Limau.

Martabatkan pendidikan anak kampung

Faiz Hasan

AYER LIMAU - Anak muda di Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Limau, akan diberikan pendekatan dan peluang untuk melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang khusus kemahiran.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Limau, Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer, anak muda tempatan

perlu diberi peluang mengikuti pengajian atau kursus di beberapa institusi kemahiran beroperasi sekitar DUN itu.

"Ada anak muda tidak layak ke universiti atas sebab masalah akademik jadi menerusi kursus jangka pendek seperti dalam bidang kemahiran sesuai untuk mereka.

"Kita fokus kepada Pendidikan Teknikal dan Latihan Voka-

sional (TVET) yang menawarkan pelbagai kursus seperti pendaian dan landskap pertanian," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini.

Katanya, antara institusi beroperasi di DUN itu adalah Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Masjid Tanah, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), Kolej Komuniti dan Institut Teknologi Uggas (ITU).

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315 FAX : 06 - 251 9316

KETUA KANDUNGAN
MOHD SALMAN HAMAT
Salmanhamat@melakaharlini.my

PENGARANG DIGITAL
FARAH SUHAIDAH OTHMAN
farahothman@melakaharlini.my

PENGARANG
MOHD FAZRUL ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlini.my

JURUFOTO
AZREN JAMILUDIN
m.azren86@gmail.com

WARTAWAN

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlini.my

LIANA SAHABUDIN
lilyann90@melakaharlini.my

FIQAH JAMAL
norafiqahjamal93@gmail.com

SITI SALEHAH AL-QADRAWI
sitisalehah@melakaharli

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@m

IT SUPPORT

PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT
ABDUL JALIL JAMAR
abduljaliljamar@gmail.com

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlini.my
018 - 329 9936

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraihanah363@gmail.com

SHARIFAH NORKHALIDAH
SYED KHAIDZIR
khalidah@melakaharlini.my

MELAKA TV

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAikal
farishalkal.zakaria@
melakaharlini.my

JURUVIDEO
MOHD ZAIDI YAACOB
drzack35@gmail.com

PUTRA DANIAL RIZAIDI
putradaniel182@gmail.com

JURUVIDEO
& PENYIARAN VIDEO
AUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufalzzat98@melakaharlini.my

PENYIARAN VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlini.my

HASBULLAH BIN AZHAR
burneskobar@gmail.com

NO4 - LENDU

Masjid perantara kebajikan asnaf

“Program secara berikala ajurannya pihak JAPERUN dengan kerajaan sama-sama mewujudkan masjid akhirnya rusak dan dalam usaha kami meringankan beban golongan kurang berkemampuan.”

Faiz Hasan

LENDU - Lima masjid dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Lendu menerima agihan 20 kit makanan yang kemudian disampaikan kepada golongan kurang berkemampuan.

Pegawai Perhubungan (Kebajikan dan Operasi) DUN Lendu, Mohd Jamian Maharam berkata, kit makanan berkenaan adalah sumbangan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lendu.

"Program secara berkala anjuran pihak

JAPERUN dengan kerjasamajawatankuasa masjid akan diteruskan dalam usahamai meringankan beban golongan kurang berkemampuan.

"Kit makanan diajukan mengandungi barang asas seperti beras, susu, teh dan pelbagai lagi," katanya kepada Melaka Hari ini.

Mohd Jamian berkata, sumbangan dihururkan memberi manfaat dan membantu golongan asnaf sekitar Lendu.

FOKUS
DUN



MOHD Jamian mewakili Ketua Menteri menyampaikan sumbangan kit makanan di masjid-masjid sekitar DUN Lendu.

NO6 - REMBIA

Lima tokong terima sumbangan raya

REMBIA - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rembia Datuk Muhammad Jailani Khamis sentiasa prihatin terhadap penduduk berbilang kaum di kawasan itu.

Setiap kali tiba perayaan Tahun Baharu Cina, beliau tidak pernah ketinggalan menyampaikan sumbangan dana kewangan kepada lima tokong di sekitar Rembia.

Limatokong itu diwakili oleh Persatuan Penganut Dewa Yoke Ong King, Persatuan Penganut Dewa Tin Hoo, Persatuan Penganut Dewa Shou Ho Tong, Persatuan Penganut Dewa Long San dan Persatuan Penganut Dewa Xiong Di Gong.

Persatuan Penganut Dewa Long San menerima dana kewangan berjumlah RM5,000, manakala baki empat lagi persatuan menerima RM2,000.

Selain itu, beliau juga tidak melepaskan peluang menyampaikan sumbangan duit raya dan limau mandarin kepada masyarakat Tionghua di bawah Dewan Undangan Negeri (DUN) Rembia.



MUHAMMAD Jailani (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan RM5,000 kepada Persatuan Penganut Dewa Long San di Rembia, baru-baru ini.

NO5 - TABOH NANING



ANTARA lembu ternakan yang berkeliaran pada waktu malam dan bertindak agresif ketika cuba ditangkap penguat kuasa MPAG.

Lembu siapa merayau malam-malam?

Fiqa Jamal

TABOH NANING - Operasi haiwan merayau di sekitar Kampung Brisu, di sini, gagal ekoran haiwan ternakan itu bertindak agresif ketika cuba didekati penguat kuasa Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG).

Yang Dipertua MPAG, Mohd Fadhil Hassan berkata, bertindak atas aduan orang awam, sepasukan penguat kuasa MPAG menjalankan operasi di lokasi itu ber-

serta satu lagi lokasi Kampung Ayer Limau pada 29 Jan lalu.

Katanya, operasi itu bermula pada jam 12 tengah malam hingga 7 pagi.

Bagaimanapun, katanya, dua kali cubaan menangkap lembu itu gagal dan operasi itu terpaksa dihentikan selepas mengambil kira faktor keselamatan penguat kuasa dan pengguna yang melalui jalan itu.

"Banyak aduan diterima kerana lembu-lembu ternakan ini

mengganggu lalu lintas, najis bersepah dan ada yang masuk ke halaman rumah orang.

"Operasi ini dijalankan secara berkala di bawah peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 Undang-undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan (Majlis Perbandaran Alor Gajah) 2012," katanya ketika dihubungi.

Mohd Fadhil berkata, operasi sama akan diteruskan dari masa ke semasa bagi memastikan tiada ternakan merayau di tempat awam.

N08 - MACHAP JAYA

Kepulangan anak rantau disambut meriah



HEE Sem menyaksikan persembahan tarian singa di Meihua Walk Machap Umboo, baru-baru ini.

Siti Salehah

MACHAP JAYA - Kemeriah sambutan Tahun Baru Cina dalam kalan- gan penduduk Machap Baru cukup bermakna tahun ini apabila hampir keseluruhan kampung itu dihiasi dengan tanglung merah serta lampa neon.

Malah, tarian singa, pelepasan tanglung dan acara menikmati hidan- gan 'yee sang' iaitu makanan tradisi yang menjadi sajian utama menghantarkan lagi sambutan untuk meraikan tahun harimau.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap Jaya Ngwe Hee Sem ber- kata, kemerahan suasana sambutan tahun ini lebih meriah memandangkan ahli keluarga terdekat dapat pulang beraya dan meraikan bersama orang tersayang.

"Pelbagai persiapan rancak dibuat dan apabila kerajaan umumkan kebenaran ianya semakin meriah kerana penduduk kampung akan balik untuk diraikan bersama.

"Persiapan dibuat agak meriah bagi menyambut kepulangan keluarga jauh yang sebelum ini tidak dapat balik kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya.

Menurutnya, walaupun dapat meraikan bersama keluarga dan sanak saudara jauh, namun penduduk diingatkan agar mematuhi segala prosedur operasi standard (SOP) terutamanya pema- karan pelitup muka serta penjarakan fizikal.

"Aspek keselamatan tetap menjadi keutamaan memandangkan perayaan ini disambut dalam suasana norma baharu," katanya.



N09 - DURIAN TUNGGAL



ZAHARI (tengah) ketika meninjau kawasan di Taman Seri Siantan, Durian Tunggal yang membelenggu penduduk dengan masalah pembentung.

Selesaikan isu parit, pembentung belenggu penduduk

Fiqah Jamal

DURIAN TUNGGAL - Dalam usaha memberi keselesaan kepada penduduk di Dewan Undangan Negeri (DUN) Durian Tunggal, pelbagai kerja-kerja baik pulih akan dilaksanakan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Durian Tunggal, Zahari Abd Kalil berkata, antaranya kerja-kerja yang akan dilakukan ialah menaik taraf parit di beberapa kawasan seperti Kampung Padang Keladi, Kampung Pulau, Kampung Belimbing Dalam, Kampung Beringin dan Kampung Panchor.

Dalam tinjauannya ke lokasi terbabit bersama jurutera Jabatan Kerja Raya

Daerah Alor Gajah, beliau berkata, kerja-kerja itu akan dilakukan dalam masa terdekat.

Difahamkan, keadaan parit dan longkang yang menganggu sistem perparitan di kawasan itu menjadi antara punca kerap berlaku banjir kilat.

Dalam perkembangan lain, beliau turut berkongsi lawatannya ke Taman Seri Siantan berikutnya aduan penduduk mengenai masalah takungan pembentung pada 1 Feb lalu.

Difahamkan, masalah pembentung di taman itu menyebabkan air longkang berta- kung sehingga mengeluarkan bau yang kurang menyenangkan.

N07 - GADEK

Peluang pekerjaan kepada anak Gadek

Faiz Hasan

GADEK - Pengajuran Mini Karnival Kerjaya di Pusat Komuniti Desa Gadek, baru-baru ini telah membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat di kawasan itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gadek V P Shanmugam berkata, seramai 67 peserta telah menghadiri sesi temuduga dalam program itu dan ada daripadanya ditawarkan peluang pekerjaan secara terus.

Menurut beliau, sebanyak lapan agensi kerajaan dan swasta terlibat dalam mini karnival itu.

Ia turut dibantu 10 urusetia untuk memudahkan urusan pencari kerja.

"Walaupun program kerjaya ini secara kecil-kecilan, namun ia dapat membantu penduduk khususnya anak muda di Gadek untuk mendapatkan pekerjaan."

"Tahniah di atas pengajuran program yang membuka peluang pekerjaan dan memberi manfaat besar kepada masyarakat di Gadek," katanya yang juga EXCO NGO, Pembangunan Belia dan Sukan Negeri.



SHANMUGAM ketika meninjau perjalanan Mini Karnival Kerjaya di Pusat Komuniti Desa Gadek, baru baru ini.

'Siapa main ketuk-ketuk ni?'

N12 - PANTAI KUNDOR



AZIZAH melakonkan semula ketukan misteri yang melandanya baru-baru ini.

Siti Salehah

PANTAI KUNDOR - "Berderau darah saya, jantung pula berdegup kencang bila den-gar pintu diketuk dan bergegar. Apa tidaknya tengah malam pintu diketuk," kata penduduk Kampung Tanjung Kling, Azizah Baba, 65.

Kediaman warga emas itu antara yang digangu 'ketukan' misteri sejak seminggu lalu hingga membingungkan penduduk.

Warga emas itu berkata, kejadian misteri berkenaan adalah pertama kali dialami sepanjang dia membesar di kampung berkenaan.

Katanya, kejadian menghantui dirinya itu berlaku pada jam 12.30 malam 27 Jan lalu ketika dia dan suami sedang tidur di dalam bilik.

"Bunyi ketukan itu datang dari arah pintu belakang rumah yang berhampiran bilik tidur kami. Memang kuat bunyinya kalau kata manusia taklah sekutu itu sebab pintu diperbuat daripada kayu keras."

"Beberapa kali juga bunyi ketukan itu, berselang kira-kira 30 saat. Kerana curiga suami menjengah keluar menerusi tingkap namun tak nampak sesiapa di situ," katanya.

Azizah berkata, beberapa rumah saudara-maranya yang terletak berhampiran turut digangu ketukan misteri itu.

Seorang lagi penduduk Zaleha Jalil, 67, berkata, susulan kejadian misteri itu jirannya yang juga ibu tunggal tinggal bersendirian kini menumpang tidur di rumahnya.

"Kejadian itu benar-benar berkesan padajiran, sudah empat malam dia tumpang tidur di rumah saya," katanya.

Sementara itu, Sidang Kampung Tanjung Kling Japar berkata, setakat malam tadi penduduk di 20 kediaman dilaporkan digangu ketukan misteri itu.

Aziz berkata, antara kediaman terbabit adalah di Balik Bukit, Tanjung Kling, Lereh dan Simpang Tanjung.

"Kejadian dikatakan berlaku selepas waktu maghrib, jam 10 malam hingga 3 pagi. Setakat ini kami cuma terima aduan mengenai gangguan saja belum membabitkan perkara lain."

"Pemuda kampung kini membuat rondaan, mereka akan bergerak sejurus menerima maklumat berlaku kejadian misteri itu," katanya.

Menurutnya, gangguan seperti itu sudah lama berlaku dan difahamkan ia bermula di sekitar Alor Gajah sebelum kediaman di empat kampung berkenaan menjadi sasaran.



N10 - ASAHDAN

YB Along teruskan tradisi edar limau mandarin

Norizan Muhib

ASAHDAN - Sempena sambutan Tahun Baharu Cina, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan, Fairul Nizam Roslan mengambil inisiatif mengedarkan limau mandarin kepada masyarakat Cina di sekitar Asahan dan Alor Gajah, baru-baru ini.

Beliau yang juga Ketua Pemuda UMNO Bahagian Alor Gajah berkata, selain bertanya khabar dan mendengar permasalahan penduduk inisiatif itu menjadi simbol keharmonian dan hubungan erat antara kaum.

"Sebanyak 50 kotak limau mandarin diagihkan dari rumah kerumah, inisiatif ini sudah macam satu tradisi sejak dimulakan lima tahun lalu.

"Mengikut kepercayaan orang Cina acara mengedarkan limau mandarin umpama membawa nasib yang baik," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI).

Fairul turut menyatakan penghargaan kepada semua penduduk yang membantu dan menyambut baik program dianjurkan.

"Saya gembira kerana dapat bertemu dan berbual dengan masyarakat Cina dan ada dalam kalangan mereka masih mengenali saya walaupun setelah sekian lama tidak bersua," katanya.

Selain mengedarkan limau, Fairul bersama kepimpinan MCA Asahan turut menyampaikan sumbangan Tahun Baharu Cina kepada 150 penerima kaum Tionghua yang kurang bernasib baik di kawasan itu.

Hadir sama, Ketua Bahagian MCA Alor Gajah Datuk Wira Koh Nai Kwong dan kenamaan lain.



FAIRUL mengedarkan limau mandarin kepada penduduk sekitar Asahan dan Alor Gajah.

N13 - PAYA RUMPUT



GOTONG-ROYONG membersihkan sarang pembiakan Aedes di Taman Paya Rumput Indah.

Sarang Aedes Taman Paya Rumput Indah dihapuskan

Fiqa Jamal

PAYA RUMPUT - Bagi membendung peningkatan demam denggi di Taman Paya Rumput Indah, satu program 'gotong-royong luar biasa' telah dijalankan baru-baru ini.

Program itu merupakan pendekatan yang diambil oleh Jabatan Kesihatan negeri, Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) bersama Syarikat konsesi sisa pepejal dan pembersihan, SWM Environment Sdn Bhd (SWM) untuk mencegah pembiakan nyamuk Aedes.

Gotong-royong tersebut dilakukan di sekitar taman terbabit dan melibatkan kawasan-kawasan hotspot seperti longgokan sampah, longkang dan beberapa bahan buangan yang menjadi tempat tahanan air.

Program itu dilaksanakan susulan terdapat peningkatan kesdemam denggi yang tinggi di taman terbabit.

N14 - KLEBANG

'Semoga tahun harimau bawa tuah dan kesihatan'

KLEBANG - Meskipun sibuk dengan tugas sebagai Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, namun Datuk Lim Ban Hong sentiasa prihatin dengan masyarakat di kawasan Klebang.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klebang sempat menyampaikan sumbangan Tahun Baharu Cina kepada masyarakat di sekitar Pulau Gadong dan Rumah Pangsa Lereh.

Beliau turut beramah-mesra dengan rakyat disamping mengambil berat segala permasalahan mereka.

"Semoga tahun harimau membawa tuah dan kesihatan kepada kita semua," katanya.

Dalam pada itu, beliau menunjukkan keprihatinan terhadap kebajikan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di sekitar Klebang.

Baru-baru ini, beliau menerima kunjungan Persatuan Veteran Angkatan Tentera cawangan Tangga Batu yang diketuai Timbalan Yang Dipertua-nya Mohd Shah Mahalim dan ketua cawangan Mazlan Ujang.

"Terima kasih kepada pandangan dan cadangan yang diberikan untuk kebaikan bersama. Semoga veteran kita sentiasa sihat dan terus berbakti kepada negara," ujarnya.



BAN Hong (kiri) menyampaikan sumbangan Tahun Baharu Cina kepada penduduk di sekitar Klebang.

N15 - PENGKALAN BATU

Program istimewa buat pencinta kucing

Siti Salehah

PENGKALAN BATU - Kesibukan hari-an menyantuni dan menyelesaikan masalah rakyat bukan

penghalang bagi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Datuk Kalsom Noordin berkongsi minat bersama penduduk dalam kalan-

gan pencinta kucing. Kalsom yang sememangnya peminat kucing dijangka mengajurkan program istimewa buat pencinta 'anak bulus' sekali gus memberi peluang kepada mereka berkongsi pengetahuan mengenai haiwan manja itu.

Terdahulu, Kalsom atau lebih mesra dengan panggilan Kak Som dijemput hadir ke Program Malaysian Cat Community Reunited Show yang berlangsung di sebuah pasaraya di Bachang pada Ahad.

Program dianjurkan oleh Malaysian Cat Community itu berlangsung selama dua hari pada 29 dan 30 Jan lalu mendapat sambutan menggalakkan.

Walaupun berlangsung dalam norma baharu namun meriah dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dalam kalan-gan peserta, pengunjung dan pengar-



KALSUM bercadang menganjurkan lebih banyak program istimewa untuk peminat kucing.

N18 - AYER MOLEK

Jalan pintas Tambak Paya-AMJ atasi masalah kesesakan



RAHMAD menyempurnakan pemasangan papan tanda Tambak Paya.

Faiz Hasan

AYER MOLEK - Pembinaan jalan baru sejauh lima kilometer di Tambak Paya, menjadi keutamaan kerajaan negeri dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Molek, Datuk Rahmad Mariman berkata, insiatif da-

lam 'Rolling Plan' (RP) Ketiga itu akan mengutamakan pembinaan jalan berkenaan, sekali gus mengelakkkan kesesakan di kawasan berkenaan.

"Susulan kesesakan yang dialami di kawasan itu, kerajaan negeri akan membangunkan jalan pintas dari Tambak Paya ke Lebuh Alor Gajah-Melaka-Tengah-Jasin (AMJ). "Kita telah memasukkan per-

mohonan ini dalam RMKe-12 pada RP Ketiga dan akan mengutamakan perkara ini bagi memastikan masalah kesesakan jalan raya dapat diatasi," katanya.

Rahmad berkata, projek menelan peruntukan RM35 juta itu masih dalam proses permohonan kerana ia membabitkan pengambilan tanah dan perkara teknikal lain.

N23 - TELOK MAS



ABDUL Razak menyantuni warga emas dalam program pengagihan limau mandarin sempena Tahun Baharu Cina di sekitar Ujung Pasir, baru-baru ini.

Abdul Razak berkongsi 'tuah'

Fiqah Jamal

TELOK MAS - Bagi menyantuni masyarakat Cina yang menyambut Tahun Baharu Cina, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Mas, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman mengajikan limau sekitar Telok Mas baru-baru ini.

Beliau menyifatkan pemberian itu adalah amalan perkongsian yang mampu memberi tuah dan kekayaan dalam masyarakat Cina.

Katanya menerusi laman Facebook rasminya, beliau bersama Pemuda, Puteri dan Wanita UMNO turut serta dalam pengagihan limau mandarin itu.

"Saya difahamkan bahawa fizikal buah limau mandarin yang berwarna terang dan oren seperti emas, dan masyarakat Cina percaya bahawa buah limau mandarin mampu menarik tuah dan kekayaan."

"Dengan amalan perkongsian dan pemberian buah limau mandarin itu juga, masyarakat Cina percaya berkongsi mampu menarik lebih banyak tuah dan kekayaan yang boleh dikongsikan bersama khususnya untuk kebaikan Telok Mas," ujarnya.

FOKUS DUN

N25 - RIM

Taman Ekstrem Chinchin akan dibuka kembali

RIM - Taman Ekstrem Chinchin yang sebelum ini terbengkalai akibat pandemik COVID-19 akan dibangunkan semula.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim Datuk Khaidhirah Abu Zahar berkata, beberapa perancangan sedang dirangka bagi membuka lokasi riadah dan pelancongan itu kepada orang ramai.

"Taman Ekstrem Chinchin akan dibuka kembali. Saya yakin ia akan menjadi 'hot

spot' untuk pengunjung datang ke Rim nanti.

"Selepas ini, ada akan mempunyai pelbagai sebab untuk datang ke Rim," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau yang mesra dengan panggilan Dira akan terus komited memperkasa agenda belia di kawasan itu.

Baru-baru ini, beliau menerima kunjung hormat daripada Majlis Gabungan Belia Daerah Jasin, diketuai Zaini

Muhamad bersama Ahli Jawatankuasa termasuk Pegawai Belia Jasin membincangkan beberapa perkara berkaitan belia.

Majlis Gabungan Belia turut mengetengahkan beberapa perkara berkaitan pembangunan belia yang perlu diberi perhatian dan dibangunkan.

Ia termasuklah pembangunan projek Port@KotaBudaya yang dijangka bermula 18 Feb ini.



DIRA (kanan) bersama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) Datin Sapiah Haron melihat tapak Taman Ekstrem Chinchin yang terbengkalai.
(FOTO: MPJ)

N21 - DUYONG



MOHD Noor Helmy mendengar taklimat daripada agensi kerajaan berkaitan dalam usaha mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang dijangka berlaku ekoran pembukaan sekolah baharu dan pasar ramadan dalam DUN Duyong tidak lama lagi.

Atasi kesesakan trafik di Duyong

Norizan Abdul Muhib

DUYONG - Sistem penyurauian trafik yang sistematis akan dilaksanakan di beberapa lokasi jalan raya dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Duyong dalam usaha menyediakan kemudahan lalu lintas yang lebih teratur di kawasan itu dari semasa ke semasa.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Duyong, Mohd Noor Helmy Abdul Halem berkata, ia termasuk melaksanakan pelebaran jalan antara kawasan Bukit Duyong sehingga Taman Seri Duyong namun tidak dapat dilaksanakan pada masa ini disebabkan beberapa halangan.

Menurutnya, perbincangan lanjut telah diadakan bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Ban-

daraya Melaka Bersejarah (MBMB) dalam usaha menyediakan kemudahan aliran trafik yang lancar di situ.

"Kita sudah minta pihak JKR dan MBMB menyediakan cadangan baharu bagaimana mahu menguruskan aliran trafik di situ yang yang mengandungi 12 persimpangan serta tiga lampu isyarat setiap tiga kilometer.

"Lebih-lebih lagi dengan pembukaan sekolah baharu di situ iaitu Sekolah Agama JAIM Permatang Duyong pada Mac dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Duyong Jun ini maka kesesakan lalu lintas dijangka padat nanti," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Menurutnya, pembinaan sekolah menengah tersebut dibuat lebih awal iaitu pada tahun 2017 dan setelah itu baharu dibina penempatan

penduduk di Taman Duyong Bistari.

Ujar beliau, kemudahan baharu itu tidak termasuk lagi dengan pembukaan Pasar Ramadan Duyong yang merupakan antara empat lokasi terbesar pasar ramadan di Melaka sekali gus dikhawatir menyebabkan aliran trafik di situ meningkat.

"Waktu SMK Seri Duyong dibina, belum ada sekolah agama dan Taman Duyong Bistari, oleh kita minta JKR dan MBMB buat satu kajian bagi melihat kesesuaian lalu lintas akan datang dan kita mahu ianya boleh diguna pakai untuk tiga atau lima tahun akan datang."

"Kita tidak setuju dengan cara yang digunakan sekarang iaitu buat pembangunan taman atau bangunan baharu dan baharu (touch up) infrastuktur sekitarnya, kita tidak mahu cara begitu," ujarnya.

N26 - SERKAM



FOCUS
DUN

Sedia van, 4x4 permudah urusan warga Serkam

Fiqa Jamal

SERKAM - JAPERUN Serkam menyediakan dua kenderaan pelbagai guna buat masyarakat di kawasan itu.

Ia disediakan khusus untuk golongan kurang berkemampuan dan warga emas bagi menyelesaikan urusan harian.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serkam Datuk Zaidi Attan berkata, sebuah van dan kenderaan pacuan empat roda (4x4) telah disediakan di Kompleks JAPERUN itu sejak tahun lalu.

Katanya, kenderaan terbabit telah digunakan untuk mengambil me-

reka yang memerlukan bantuan untuk dihantar ke klinik kesihatan, bank dan mengambil suntikan vaksin.

"Kenderaan ini buat masyarakat DUN Serkam, tidak kira bangsa, agama semua boleh guna.

"Kenderaan ini sebelum ini, kita gunakan untuk ambil warga emas atau golongan kurang mampu untuk kita bawakan pergi ambil vaksin. Kita ambil dan hantar pulang. kita lantik pemandu dalam kalangan anggota RELA.

"Selain itu, macam pacuan empat roda itu, banjir baru-baru ini kita gunakan untuk bantu mangsa banjir dan menyampaikan bantuan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

VAN dan kenderaan pacuan empat roda yang disediakan untuk kegunaan masyarakat di DUN Serkam

N27 - MERLIMAU

Realisasi polisi satu rumah, satu tong sampah

MERLIMAU - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau Dr Muhamad Akmal Saleh bercadang untuk membawa polisi satu rumah satu tong sampah di seluruh Merlimau.

Katanya, polisi baharu itu diangkat bertujuan untuk memastikan kawasan itu sentiasa bersih dan indah serta mengelakkan daripada berlakunya longgokan sampah tidak terkawal seperti yang berlaku di kawasan pelupusan sampah Kampung Kilang Berapi, baru-baru ini.

"Terima kasih pada pihak Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) dan SWM Environment yang mengambil tindakan yang pantas untuk membersihkan timbunan sampah di Jalan Kilang Berapi pagi ini setelah aduan saya kemukakan petang semalam.

"Saya juga mohon untuk sementara menunggu rumah sampah dibina, tong sampah yang besar perlu disediakan dan diperbanyakkan dikawasan tersebut serta jadual pengambilan sampah perlu mengikut jadual yang ditetapkan.

"Insya-Allah selesai kuarantin wajib nanti, saya sendiri akan berjumpa dengan beberapa agensi dan pihak swasta untuk kita realisasikan polisi 'SATU RUMAH SATU TONG SAMPAH' agar Merlimau kita kekal bersih dan indah," katanya dalam satu hantaran di laman Facebook pada 2 Feb

lalu.

Sebelum ini, Muhamad Akmal yang juga EXCO Kesihatan dan Antidadah negeri dalam satu hantaran memaklumkan mengenai aduan longgokan sampah tidak terkawal yang berlaku di Kampung Kilang Berapi.

Katanya, situasi itu menunjukkan bahawa sudah tiba masa untuk semua pihak berubah bukan sahaja dari sudut infrastruktur, bahkan juga mentaliti.

"Bagaimana sebilangan negara maju rakyatnya mampu menguruskan sampah dengan baik sedangkan fasilitinya hampir sama seperti kita? Jawapannya adalah sikap dan mentaliti mereka juga menjadi kelas pertama sejajar dengan infrastruktur kelas pertama yang disediakan.

"Pengurusan sampah yang baik semuanya memerlukan sokongan dan pengorbanan daripada kita semua, sokongan tenaga dan juga wang ringgit.

"Ini kerana ia tidak akan mampu terjadi dengan baik jika hanya mengharapkan agensi dan bajet dari pihak kerajaan, kali ini pihak kerajaan, swasta serta sokongan daripada seluruh penduduk amat diperlukan. Ini masa untuk kita semua membuat perubahan," katanya.



LONGGOKAN sampah di Kampung Kilang Berapi dibersihkan MPJ dan SWM Environment.

N28 - SUNGAI RAMBAI



SITI FAIZAH menyampaikan cenderahati kepada kanak-kanak istimewa selepas merasmikan program kecemerlangan dan mesyuarat agung PPDK Seri Mutiara 2022-2024.

Bina keyakinan anak-anak istimewa

Farah Suhaidah Othman

SUNGAI RAMBAI - Semua pihak terutama keluarga dan masyarakat di saran memberikan kerjasama dalam membina keyakinan anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) berada dalam komuniti.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai, Siti Faizah Abdul Azis berkata masyarakat setempat perlu memainkan peranan masing-masing untuk melibatkan golongan itu secara aktif dalam komuniti sama ada di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) atau di rumah.

"Bagi saya kerjasama semua pihak amatlah diperlukan demi keba-

kan anak-anak istimewa ini bagi membina serta meningkatkan keyakinan mereka dalam komuniti," kata dia.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program kecemerlangan dan mesyuarat agung PPDK Seri Mutiara 2022-2024.

Dalam perkembangan lain, Siti Faizah turut menyantuni peniaga di sekitar Sungai Rambai bagi mendengar luhan golongan itu.

"Mesyuarat bersama peniaga-pekerja di Sungai Rambai dan berbincang bagaimana untuk meningkatkan lagi sektor ekonomi terutamanya bagi peniaga-peniaga di kawasan Sungai Rambai ini," katanya.



MIMBAR MAIM

"Be na r-be na r sangat beruntung orang-orang yang membezihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengajak seorang yang sabar." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demikian sungguhnya! Kami akan mengujakan dengan sedikit ketakutan, keparahan, dan kekuran dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah kharjembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Perkasa harta tanah wakaf

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) merupakan agensi yang dipertanggungjawab dalam mengurus segala perihal berkaitan wakaf di negeri ini.

Seksyen Wakaf MAIM merupakan sebuah bahagian yang diberi amanah untuk melaksanakan semua urus tadbir perwakafan sama ada ia berbentuk harta tanah maupun wakaf tunai.

MAIM dalam erti kata lain kekal menjadi peneraju dalam memastikan perihal wakaf dapat diurus dengan sebaiknya kerana amalan tadbir urus yang baik perlu diadaptasi lantaran ia merupakan antara faktor kejayaan yang bersifat kritikal untuk menghidupkan semula institusi wakaf.

Pelbagai kaedah urus tadbir wakaf yang sentiasa ditambah baik oleh MAIM dalam usaha memastikan manfaat pahala wakaf akan dapat dinikmati bersama oleh masyarakat Islam di negeri ini.



SHARIF bergambar bersama sebahagian pewakaf.

syarakat Islam di negeri ini.

Bukan sahaja manfaat pahala, malah setiap harta tanah wakaf yang ada dapat digunakan dengan baik oleh masyarakat Islam dan hasilnya akan disalurkan semula kepada umat Islam melalui manfaat pendidikan, perubatan dan pengimaran masjid serta surau sedia ada.

Kolaborasi bersama agensi lain antaranya Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) mampu memastabat semula urus tadbir wakaf terutama melibatkan harta tanah

wakaf yang mempunyai manfaat berganda.

Pembinaan mahupun projek bersifat kemudahan seperti hotel patuh syariah seperti Hotel Wakaf mampu menjana pendapatan dan seterusnya hasil berkenaan disalurkan kepada pembinaan ummah di negeri ini.

Juga tidak ketinggalan pastinya harta tanah wakaf berkenaan dapat mewujudkan peningkatan ekonomi umat Islam dan pembinaan masjid dan surau baharu di atas tanah

wakaf berkenaan juga mampu memberi keselesaan tambahan jemaah sesbuah kariah.

Turut diberi penekanan berkaitan wakaf pendidikan dan perubatan yang antara lain memberi tumpuan kepada pembinaan dan pembinaan sekolah-sekolah agama yang baharu.

Pastinya MAIM akan kekal memastikan pengurusan wakaf di negeri ini dapat dilaksanakan dengan penuh integriti demi manfaat bersama dinikmati secara berterusan.



PENGURUS Baitulmal MAIM, Mohd Sharif Somathulla menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang pewakaf.

SAHAM WAKAF PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR MELAKA

3 KAEDAH BERWAKAF

01 KAEDAH MELALUI PERBANKAN INTERNET KE AKAUN "SAHAM WAKAF PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR MELAKA" 04015010078877 (BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD)

02 KAEDAH MELALUI POTONGAN GAJI, MUAT TURUN BORANG POTONGAN GAJI DI PORTAL iWAKAF MAIM (<https://iwakaf.maim.gov.my>)

03 KAEDAH MELALUI "STANDING INSTRUCTION (SI)" MENGGUNAKAN PERBANKAN INTERNET

#SatuAmalMenciptaSejutaManfaat

Jom Berwakaf

BANK ISLAM 04015010078877 (BIMB)
(Saham Wakaf Pembinaan Masjid Pulau Besar Melaka)

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my



PENGURUS Baitulmal MAIM, Mohd Sharif Somathulla menyampaikan sumbangan keperluan kepada asnaf yang terkesan akibat banjir yang melanda negeri ini tahun lalu. Sumbangan ini disediakan oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) berbentuk keperluan harian antaranya tilam toto, kipas dan gas serta dapur memasak bagi meringankan beban mangsa. Turut hadir Pengurus YAPEIM Negeri Melaka, Azharry Gimam.





LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah 06-283 7416 / 06-284 9809 06-288 1881 / 06-288 1882	Jasin 06-529 8415 06-529 8417	Alor Gajah 06-384 2699
Merlimau 06-263 9505		
Website www.maim.gov.my	Email admin@maim.gov.my	
Youtube majlis agama islam melaka	Facebook facebook/maimmelaka	

"Pengagihan zakat yang telus amanah kami"



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

Disebalik hikmah hati yang suci lagi bersih



**Datuk Hj. Ibrahim
Bin Fadil**

Ke tua Pegawai
Eksekutif Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

SETIAP umat Islam perlu ketahui bahawa menunaikan zakat merupakan rukun Islam yang ketiga dan hukum menunaikannya adalah fardhu ain bagi setiap muslimin dan muslimat yang telah memenuhi syarat-syarat wajib zakat. Ibadah zakat mempunyai hikmah dan faedah yang banyak serta memberi kebaikan bukan sahaja kepada pengeluar zakat bahkan kepada penerimanya.

Baru-baru ini kita dikehujung musibah banjir besar di beberapa buah negeri di Malaysia dan tidak terkecuali di negeri Melaka. Sedangkan kita juga masih diuji dengan penularan pandemik Covid-19 yang belum

berakhir. Banyak kerosakan harta benda, kehilangan tempat tinggal dan paling mendukacitakan adalah kehilangan nyawa orang yang tersayang. Inilah ujian Allah SWT supaya kita mengingati bahawa setiap yang berlaku ada hikmah disebaliknya. Janganlah kita leka dengan perintah-Nya dan patuhlah setiap apa yang telah termaktub di dalam al-Quran.

Firman Allah SWT melalui Surah Al Baqarah, ayat 286 yang bermaksud: "Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya. Dia mendapat (pahala) daripada (kebaikan) yang dilakukan-nya dan dia mendapat (seksaan) dari-pada (kejahatan) yang dilakukannya." Ini jelas membuktikan bahawa ujian yang diberikan adalah selaras dengan kemampuan hamba-Nya. Di sebalik ujian yang datang sudah pasti Allah SWT tidak akan sekali-kali menzalimi hamba-Nya.

Oleh yang demikian, sebagai insan yang beriman dan bertakwa kerana Allah SWT, maka apabila melihat saudara sesama Islam dalam kesusahan dan musnah segala harta

" Za kat jug a me rup a ka n sa la h sa tu hikm a h ya ng sa ng a t te rp u ji ia itu d a p a t me m b e rs i h k a n ha ti d a ri p a d a sifa t-sifa t ke ji se p e rti sifa t b e rd e nd a m , iri ha ti d a n ha sa d d e ng ki ya ng me m b e ri imp a k ne g a tif d a la m ke hid up a n b e rm a sya ra ka t . "

bendanya akibat bencana. Dengan ibadah zakat inilah dapat membantu meringankan bebanan kehidupan mereka yang terkesan terhadap musibah yang berlaku. Ianya juga dapat mengeratkan hubungan persaudaraan di antara pemberi zakat dan penerima. Apabila kesedaran ini wujud dalam masyarakat, setiap umat Islam mampu menunaikan kewajipan berzakat. Secara tidak langsung dapat menjalankan kasih sayang yang berte-rusan sesama umat Islam dan mewujudkan suasana ketenangan dalam kehidupan ber-masyarakat.

Amalan berzakat juga dapat melatih jiwa untuk ikhlas dan tanpa paksaan dalam menunaikannya. Apabila golongan kaya bermurah hati membantu golongan yang kurang berkemampuan, secara tidak langsung dapat memberikan ketenangan hati. Ianya juga boleh menyucikan diri seseorang daripada pelbagai kotoran dosa, memurnikan jiwa, memupuk akhlak mulia, menjadi lebih pemurah dan seterusnya peka terhadap rasa kemanusiaan.

Ini bersesuaian dengan firman Allah SWT di dalam Surah at-Taubah ayat 103, yang bermaksud: "Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka dan mendoakanlah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah SWT Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".

Selain daripada itu, zakat mampu memperkuuhkan kehidupan masyarakat Islam sehingga meningkatkan taraf sosioekonomi Islam ke arah lebih baik. Ianya menjadi ibadah yang amat penting dalam pembangunan

masyarakat Islam. Hal ini kerana, ia yang dapat menjamin kesejahteraan hidup mereka yang memerlukan sekaligus dapat menstabilkan ekonomi umat Islam sejagat.

Di samping itu, zakat juga merupakan salah satu hikmah yang sangat terpuji iaitu dapat membersihkan hati daripada sifat-sifat keji seperti sifat berdendam, iri hati dan hasad dengki yang memberi impak negatif dalam kehidupan bermasyarakat. Sifat negatif tersebut jika dibiarakan akan menjadi barah dalam masyarakat. Oleh yang demikian, ibadah zakat dapat membersihkan jiwa daripada hasad dengki dan iri hati serta dapat menge-ratkan hubungan persaudaraan walaupun berbeza dari segi kemewahan dan kekayaan dalam kehidupan seseorang itu.

Sebagai umat Islam, kita haruslah memahami bahawa hikmah dan rahsia disebalik pensyiaran ibadah zakat merupakan perkara yang benar dan banyak disebut bergandingan antara ibadah solat dan zakat di dalam al-Quran dan hadis Nabi SAW. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah ayat 110, yang bermaksud: "Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat dan apa juga yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa melihat segala yang kamu kerjakan."

Sebarang pembayaran & pertanyaan tentang info zakat bolehlah layari www.izakat.com atau menghubungi di talian 1300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian Whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :
Ibu Pejabat, Tel: 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel: 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel: 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel: 06-5294635
- Cawangan Melimau, Tel: 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel: 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel: 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp : Info Pertanyaan Zakat - (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat - (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com



Hanya 2.5%

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi!"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com





Badan Sukarelawan Al-Taqwa (BSAT) Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) menyantuni beberapa orang asnaf di sekitar daerah Alor Gajah dan Melaka tengah dengan menyalurkan sumbangan katil dan lampin pakai buang kepada asnaf yang memerlukan. Turut disampaikan susu kesihatan dan keperluan lain bagi membantu asnaf menjalani kehidupan sehari-hari dengan sebaiknya.



PEWAKAF, Azizah Osman menyerahkan wakaf tunai kepada Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) bagi pelaksanaan wakaf am dan pendidikan yang menjurus kepada manfaat bersama umat Islam di negeri ini.

MoU bersama 16 rakan industri

Tingkat kebolehpasaran graduan UTeM

Fiqa Jamal

AYER KEROH - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan 16 industri dari seluruh negara sempena program Work-Based Learning (WBL) sehingga 2026.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi yang menjalankan fungsi Naib Canselor UTeM Prof Dr Ghazali Omar berkata, kerjasama strategik itu bukan sahaja memberi manfaat terhadap perkembangan akademik dan penyelidikan, bahkan berupaya mewujudkan sinergi yang memberi impak kepada kedua-dua pihak.

Katanya, pelajar akan menjalani Latihan Industri (LI) selama satu tahun di industri ditetapkan.

"MoU hari ini adalah satu 'catalyst', cadangan atau satu aktiviti yang awal kita buat untuk kita maju ke depan. Saya ingat ini adalah sesuatu yang kita lakukan demi menyahut seruan daripada kerajaan."



GHAZALI (tengah) bergambar bersama sebahagian dari wakil rakan industri strategik sempena Majlis Sesi Libat Urus Bersama Rakan Strategik Industri Bagi Pelaksanaan Program Work-Based Learning (WBL), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di sebuah hotel di Ayer Keroh. Foto Iqmal Haqim Rosman

"Jadi apabila pelajar keluar atau tamat pengajian, mereka dapat mengaplikasi apa yang telah dipelajari dan pengalaman yang ada di industri dan tidak perlu lagi proses latihan, 'comprehensive teaching and training' kerana kita nak bila habis belajar, pelajar sudah sediadi industri supaya boleh menjadi 'marketability', " katanya. Beliau berkata demikian

dalam sidang media selepas Majlis menandatangani MoU bersama 16 rakan strategik menerusi Program Work-Based Learning (WBL) di sebuah hotel, di sini, 3 Feb lalu.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Amtarabangsa) UTeM, Prof Dr Zulkifillie Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM, Datuk Dr Sabri Mohamad Sharif

dan lain-lain kenamaan.

Antara 16 syarikat yang menandatangani MoU bersama UTeM ialah 3D Gens Sdn Bhd, Teras Tegap Agriculture Sdn Bhd, Glasfil Polymer Sdn Bhd, I-Nano Technology Sdn Bhd, I-Petro Sdn Bhd, ACSON Malaysia Sdn Bhd dan Priboda Malaysia Sdn Bhd.

Selain itu, MoU turut dimeterai bersama Carrier Ma-

laysia Sdn Bhd, Dai Lieng Berhad, PUSPAWN, Acis Technology Sdn Bhd, Hadi Venture Sdn Bhd, Ares Energy Sdn Bhd, Sher Engineering & Consultancy Sdn Bhd, Auro Technologies Plt dan Terra Drone Technology Malaysia Sdn Bhd.

Mengulas lanjut Ghazali berkata, MoU itu turut berupaya melaksanakan pemindahan pengetahuan dan

kemahiran, melaksanakan Sharing Session dengan wakil-wakil industri, guna samaperalatan dan kemudahan penyelidikan serta lain-lain.

"Kita (UTeM) juga akan menambah kolaborasi dengan pelbagai industri dan syarikat lain pada masa akan datang sebagai platform menjana kerja para pelajar," katanya.

Kolej Komuniti hasilkan kerusi penyelamat pantai



SIMBOLIK penyerahan kerusi penyelamat kepada Pengarah APM Melaka Lt Kol (PA) Cuthbert John Martin Quadra (empat dari kanan).

AYER KEROH - Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) Kolej Komuniti Melaka menghasilkan kerusi penyelamat yang boleh digunakan bagi memantau sebarang insiden kecemasan di pantai-pantai peranginan negeri ini.

Pengerusi PISPA Kolej Komuniti Melaka Lt Kol Bersekutu (PA) Muhammad Sani Che Idris berkata, kerusi penyelamat itu merupakan hasil cetusan idea kolej komuniti berkenaan dan seterusnya disiapkan hasil kepakaran pelajar dan pensyarah.

Katanya, sebanyak tiga unit kerusi penyelamat pantai telah dihasilkan dan kesemuanya diserahkan kepada Angkatan Pertahanan

Awam Malaysia (APM) Melaka. "Penyerahan kerusi ini merupakan simbolik kerjasama terus-menerus serta kebersamaan PISPA Kolej Komuniti Melaka dengan APM Melaka.

"Diharap kerusi penyelamat pantai yang telah dihasilkan dapat memberi manfaat kepada orang ramai khususnya pengunjung pantai di Melaka sekiranya berlaku sebarang kes kecemasan," katanya.

Simbolik penyerahan kerusi penyelamat itu telah disampaikan kepada Pengarah APM Melaka Lt Kol (PA) Cuthbert John Martin Quadra dalam satu majlis di Pejabat APM Melaka, baru-baru ini.

2,936 graduan PMM bakal diraikan

Liana Sahabudin

MERLIMAU - Politeknik Merlimau (PMM) bakal meraikan seramai 2,936 pelajarannya yang telah menamatkan pengajian selama tiga tahun di institusi tersebut dalam satu Istiadat Kon-

vokesyen Politeknik Merlimau Ke-19.

Pengaruhnya Mohd Hatta Zainal berkata, konvokesyen itu diadakan selama lima hari bermula 6 hingga 10 Feb ini di Dewan Platinum PMM, bagi graduan sesi Dis 2018, Jun

2019, Dis 2019 dan Jun 2020.

"Selalunya istiadat konvokesyen PMM hanya meraikan 1,500 graduan dalam satu-satu masa, tapi kali ini mencatat sejarah kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

pada tahun 2020 dan 2021, maka PMM raikan kesemua graduan bagi dua tahun tersebut dalam satu majlis.

Menurutnya, konvokesyen kali mencatat pecahan sidang paling banyak iaitu 11 sidang dengan kehadiran

para penyampai skrol seperti Datuk Seri Abdul Razak Jaafar (Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi) Ts Zainab Ahmad (Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti) dan beberapa tetamu kehormat

lain.

Untuk rekor, PMM merupakan Politeknik yang ke-14 ditubuhkan daripada 36 Politeknik di seluruh negara dan sehingga kini telah melahirkan sejumlah 26,725 graduan sehingga tahun 2021.



WWW.KIBGIM.COM

SCAN HERE

SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: SEJARAH

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUPER TEN SEJARAH TG 4 SPM

FOCUS
3
POINT!

WARISAN NEGARA BANGSA

- Jelaskan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu.
- Apakah perkara yang terkandung dalam Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka?
- Senaraikan golongan pemerintah dan rakyat.

01

06

KEBANGKITAN NASIONALISME

- Jelaskan sebab-sebab berlakunya nasionalisme di India, China, Mesir, Jepun dan Asia Tenggara.
- Nyatakan faktor kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita.
- Faktor penulisan kreatif dan sistem pendidikan.

02

07

KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA

- Jelaskan peristiwa Perang Dunia Kedua di Eropah.
- Nyatakan faktor-faktor kedatangan Jepun ke negara kita.
- Jelaskan peranan Rejimen Askar Melayu, MPAJA dan Force 136 dalam usaha mengekang kemaraan tentera Jepun.

03

08

ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

- Terangkan ciri-ciri Perlembagaan Malayan Union.
- Mengapakah orang Melayu bangkit menentang Malayan Union?
- Jelaskan faktor penyerahan Sabah dan Sarawak kepada British.

04

09

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

- Mengapakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya dibentuk?
- Terangkan ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- Jelaskan kesan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

05

10

ANCAMAN KOMUNIS DAN PERISYTIHARAN DARURAT

- Bagaimanakah komunis mencetuskan huru-hara di seluruh negara?
- Jelaskan pelaksanaan Undang-undang Darurat.
- Huraikan kesan zaman darurat terhadap sosioekonomi penduduk tempatan.

USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN

- Terangkan peranan dan kesan jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) dalam mengatasi pertikaian antara kaum.
- Terangkan ciri-ciri Sistem Ahli.
- Terangkan pembentukan sistem pendidikan di negara kita sebelum mencapai kemerdekaan.

PILIHAN RAYA

- Apakah syarat untuk menjadi pengundi dan calon pilihan raya?
- Jelaskan proses pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.
- Terangkan peranan kabinet pertama.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

- Nyatakan tujuan wakil rombongan ke London.
- Huraikan langkah penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.
- Terangkan isi-isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

PEMASYUHRAN KEMERDEKAAN

- Jelaskan pengertian kemerdekaan negara.
- Terangkan persediaan yang dilakukan oleh Jawatankuasa Persediaan Fizikal.
- Jelaskan prinsip kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Sufism and Storytelling: *Wayang Kulit*, Songs, Fables, Poetry and Journalism in the Archipelago



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

IT has been stated that Islam, and some of the rituals in the decades of the 1800s through the 1900s in Tanjung were visibly imbued with Sufistic influences and ideas. To be sure, this is not peculiar to Pulau Pinang. The work of the Sufis were found, and manifested in both the abstract and the concrete throughout the Malay Archipelago. Sufi traces were found in court texts, the *hikayats*, songs, fables and poetry. Just observe Malay cultural and religious activities, and in the conduct of feasts and festivities. Enter a traditional mosque, or a Malay house, one finds its presence. They shape Malay arts, architecture, journalism.

The Sufis have put the arts to good use to subtly introduce Islam to the Malays. *The wayang kulit* (shadow puppet play), *dikir barat* (lyrical verse debate) and gamelan music so popular in the Archipelago prior to the advent of Islam were the media most effectively utilized. That was the media then (and now).

Khairudin Aljuneid in *Islam in Malaysia: An Entwined History* (2019), suggests that the Wali Songo (Nine Saints of Java) were perhaps the earliest to use the *wayang kulit* as missionizing tools, and their disciplines continued the practice to using other performances and musical ensembles. The Wali Songo and their followers believed that tales are effective messages that "can seep in slowly and surely." They were proven successful. The medium of *wayang kulit* appeared in Islamized versions and mushroomed outside Java.

As for *Dikir Barat*, the lyrical art was originally performed during times of harvest during the Hindu-Buddhist period. The art form was capitalized by populist Sufis, and other missionaries. Its substance transformed, its form maintained. Hence Islamic values and beliefs are transmitted without society feeling challenged in the old habits and practices. In Kelantan, Terengganu, Kedah and the rest of the northern Malay Peninsula (through what is now southern Thailand), Islam flourished partly due to the arts and aesthetics. This was because the locals can easily identify with the form manifested.

In using the performing arts as media, the Sufis utilized on the fuzzy borders and fluid sense of territory among the Malay kingdoms to expand the reach of their message between the domains. Khairudin sees that their adroit mobility, traveling alongside traders and way-

THE medium of *wayang kulit* appeared in Islamized versions and mushroomed outside Java.

farers, enabled the creation of multiple bases of missionary work in the Archipelago. Their contents and contexts were entwined between the global and the local, between the state and society, between the scholarly and the popular, and between Muslims and non-Muslims.

Khairudin's work identifies three branches of Sufism operating in the region from the 11th century onwards. One was described earlier as Populist. Each appeal to different Malay audiences, and at times, coming into conflict with one another. And their identity and methods are not mutually exclusive,

The second branch was metaphysical in nature. The scholar and historian Hamka termed this a *Tasauif Filsofis* (philosophical Sufism). This branch uses prose, poetry and treatises to convey the esoterics and mystical ideas emanating from the Indo-Iranian world. These resonated such figures like Mansur Al-Hallaj (858-922), and Abdul Karim Al-Jili (1366-1424). And the most prominent among the philosophical Sufis in the Malay world was Hamzah Fansuri (? – 1590). He was the first to textualize thoughts such as the notion of *Wahdatul Wujud*, connoting the unity between God and humankind. Hamzah was the progenitor of the Malay *syair* (rhythmic four-line stanzas), earning him the status of the "First Malay Poet."

The philosophical Sufis, including Hamzah's loyal student, Syamsuddin Al-Sumatrani, developed followers in the Malay community. Their influence has to do with the beauty of words, metaphors and allegories used in their writings, easily understood by the locals. Hamzah used the examples of sailing ships and boats (*the perahu*), and of women coloring and weaving cloth to gain attention to the presence of Allah. His fine use of the rhythmic prose, appealing to the maritime Malay world, reads as follows:

“Contrary to popular belief, the Sufis use media, and are present in the social, intellectual, and religious landscapes of the community. They are involved in direct communication with society.”

Vacate your heart
So as to become the Sublime Ocean
When the win dies down, the waves
disappear
You return to the sea of the Living One,
the Eternal,
The great Sea is shoreless
Majesty and Beauty are everywhere
Do not plunge into it on the left
Know perfectly how to conduct your-self

The third branch is termed as the Scholarly Sufis. This was represented by Nuruddin Al-Raniri (?-1658). Born in Gujarat of Hadhrami Arab origins, it was Al-Raniri who issued a fatwa (edict) leading to the ban and burning of Hamzah's works. Many like Al-Raniri, from Iran, India and the Arab world, were polymaths. According to Mohamad Zainiy Othman, formerly of the International Institute of Islam Thought and Civilization, Al-Raniri's scholarship was prodigious. He who had transliterated and studied Al-Raniri's work on fundamental aspects of Sufi doctrines (2011), notes that Al-Raniri's thoughts covered the areas of universal history, statecraft, theology, ethics, jurisprudence, and Islamic mysticism. These earned him the reputation of being the most original thinker among the scholarly Sufis of the 17th century. They revolutionized the Malay world view, moving

away from mythology and superstition to the world of reason, rationality and order.

Syed Muhammad Naquib al-Attas in his various writings (for example 1969, 1970) implies this shift as the beginnings of modernity in the Malay worldview. Networks were formed, thus proliferating the narrative. These flowed into mosques, *suraus* and *pondoks* (village boarding schools), and would later be seen through writings on the project of *tajdid* and *islah* (renewing and reforming) of the teachings and practice of Islam. Early Malay newspapers and periodicals, especially in the first 40 years of the last century were agents of Muslim reform.

Contrary to popular belief, the Sufis use media, and are present in the social, intellectual, and religious landscapes of the community. They are involved in direct communication with society.

**NEXT WEEK:
Japan's Orient**

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

Meeracle capai 15,000 ejen jualan



PENGASAS IMsukses bergambar bersama penerima Anugerah Ejen IMsukses Terbaik 2021 sempena majlis IMsukses Golden Night di sebuah hotel di Bandaraya Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

Liana Sahabudin

BANDARAYA MELAKA - Bermula dengan hanya beberapa wakil jualan pada tahun 2015, kini jenama Meeracle mencapai 15,000 ejen di seluruh negara.

Pengerusinya, Raja Mohd Haziq Mohd Nasrullah Raja Abdul Rashid berkata, kini produk jenama Meeracle berkembang di Seluruh Malaysia, Singapura dan Rantau Asia Tenggara.

Katanya, dalam tempoh tujuh tahun ini Meeracle sudah berada di tahap memberangsangkan dan menjadi jenama yang dipercayai.

"Misi Meeracle masih sama, fokus ke arah menjadikan jenama yang dipercayai untuk memenuhi keperluan wanita dan untuk memperkasakan wanita dari setiap aspek terutama dalam bidang kecantikan, penjagaan kulit serta bidang perniagaan."

"Pada tahun 2015 ketika itu kita hanya punya beberapa wakil saja, tetapi kini rangkaian wakil jualan aktif mencecah 15,000 orang di seluruh Malaysia, Singapura dan rantaui Asia Tenggara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Annual Dinner IMsukses: Golden Night 2022 di Hotel La Crista, 29 Jan lalu.

Hadir sama Pengasas IMsukses, Naza Azan.

Ujarnya peningkatan wakil jualan itu memberi impak dan manfaat serta merubah hidup setiap wakil jualan Meeracle.

"Dengan menerapkan konsep 'bussines to bussines', Meeracle telah melahirkan the 'real bussines person'."

"Meeracle bukan sekadar melahirkan 'resaler' tetapi melahirkan individu yang mempunyai kemahiran dan kredibiliti dalam perniagaan yang nyata," katanya.



RAJA Mohd Haziq

Restoran Stad# @ LaCrista memang umphh!

Hamza Fansuri

BANDARAYA MELAKA

- Suasana hotel klasik, makanan 'western' menyelerakan, Restoran Stad# memang tidak menggecewakan!

Menu makanan barat seperti 'Braised Beef Ribs', 'Pasta Seafood Marinara' serta 'Pan Fried Seabass' ternyata memberikan satu kepuasan buat penulis ketika hadir dalam majlis pelancaran restoran tersebut pada 28 Jan lepas.

Dengan terlancarnya restoran itu, ternyata ia adalah satu pertaruhan berbaloi buat Hotel LaCrista untuk

mempromosikan hidangan kulinarinya.

Pada awalnya, terdetik di hati penulis mengatakan "mungkin rasa hidangannya sama sahaja seperti hotel lain yang setaraf".

Namun begitu, penulis silap, ternyata Restoran Stad# mempunyai tahap kelasnya tersendiri bertepatan tagline restoran tersebut iaitu 'Your Personalised Lifestyle Hotel'.

Secara keseluruhan, pelancaran restoran tersebut menawarkan menu makan malam (dinner) dan jika dilihat dari sudut penyediaan makanan, boleh dikatakan restoran itu menepati pia-

waian kulinari hotel konvensional.

Menariknya, seni bina lama atau 'old school' Hotel LaCrista, ternyata mengimbau zaman 80-an serta 90-an, ditambah pula dengan rasa hidangan western yang 'kena' dengan suasana klasik hotel tersebut.

Jujur penulis katakan, kualiti rasa makanan western restoran ini adalah antara terbaik dan anda wajib cuba!

Jika anda ingin mengetahui maklumat lebih lanjut, boleh layari akaun media sosial Facebook LaCrista Hotel dan Instagram @LaCrista-Hotel.



MAJLIS pelancaran Stad# yang dilancarkan Exco Pelancongan Datuk Muhammad Jailani Khamis dan Exco Wanita Datuk Kalsom Nordin, baru-baru ini.



DR. SHANKAR GUNARASA



GASTROESOPHAGEAL reflux disease (GERD) atau lebih dikenali masyarakat umum sebagai asam atau asid lambung merupakan penyakit yang kerap berlaku dalam masyarakat kita. GERD terjadi ketika asid lambung meresap ke atas kerongkong dan memberi iritasi kepada lapisan esofagus. GERD memang memiliki simptom yang tidak jelas, membuatnya mudah terkeliru dengan simptom kesihatan lain. Ia sering kali dikaitkan dengan masalah jantung. Jika masalah GERD tidak ditangani lebih awal, ia boleh menyebabkan barah esofagus dalam jangka masa panjang. Masalah oesophagitis (keradangan esofagus) dan yang paling teruk ialah masalah pernafasan.

Antara simptom simptom yang sinonim untuk masalah GERD adalah:

- Tekanan pada dada
- Nafas berbau
- Air liur berlebihan
- Kesulitan menelan
- Masalah pernafasan
- Tersedak di malam hari
- Batuk yang lama atau sering kali batuk apabila bertutur

Bagaimakah masalah GERD boleh berlaku?

Pada pengujung esofagus terdapat satu lingkaran otot dikenali sebagai sphincter esofagus bawah (LES) yang akan menjadi pintu sebelum bersambung ke perut.

Sekiranya fungsi LES terjejas atau otot

Apakah itu GERD?



esofagus menjadi lemah, sphincter tidak dapat tertutup dengan sempurna dan ini dipanggil hernia hiatus. Keadaan ini menyebabkan asid dan kandungan dalam perut naik semula (refluks) ke dalam esofagus. Apabila asid di perut terkena lapisan esofagus, ia akan menyebabkan keradangan.

Faktor-faktor yang boleh menyebabkan kelonggaran sphincter LES adalah masalah obesiti di mana tekanan abdomen di esofagus boleh menyebabkan LES menjadi longgar. Begitu juga dengan merokok di mana kesan nikotin boleh memberi kesan kelonggaran kepada LES. Faktor lain yang boleh menyumbang kepada masalah ini adalah minuman teh atau kopi berlebihan, mema-

kan makanan yang pedas, berlemak dan bergoreng dan juga sesetengah jenis ubatan seperti aspirin, ibuprofen dan NSAIDs.

Ada beberapa ujian untuk mengenal pasti masalah ini. Antaranya ialah:

1. Endoskopi

- OGDS dilakukan dimana skop yang berhujungkan kamera dimasukkan melalui mulut dan melihat struktur di hujung esofagus
- Biopsy juga akan dilakukan untuk melihat masalah lain seperti Barretts Oesophagus

2. Oesophageal manometry

- Prosedur ini dilakukan dengan memasukkan tabung lentur kedalam esofagus melalui mulut yang mempunyai chip untuk merekodkan tekanan di hujung esofagus
- Hasil ujian akan menunjukkan seberapa baik fungsi LES atau sphincter di hujung esofagus, termasuk pergerakan otot-otot di esofagus untuk tujuan peristalsis

3. Ukuran PH esofagus

- Sama juga dengan cara manometry tetapi di sini ujian PH dilakukan untuk menguji tahap asid di esofagus yang disebabkan oleh kelonggaran di LES
- Selalu dilakukan untuk pesakit sejiranya pembedahan anti-reflux perlu dilakukan

Untuk merawat masalah ini ubatan akan dimulakan terlebih dahulu, antaranya ialah:

1. Penghadang H₂ Receptor

- seperti cimetidine dan ranitidine yang membantu mengurangi produksi asid lambung dalam waktu yang cukup lama iaitu sehingga 12 jam.

2. Penghambat proton pump (PPI)

- Termasuk lansoprazole, pantoprazole yang

membantu mengurangkan produksi asid lambung dalam waktu yang cukup

- Ubatan ini bekerja langsung pada sel-sel lambung untuk menurunkan produksi asid

3. Antasid

Sekiranya semua ubatan yang telah dicuba gagal untuk merawat masalah GERD, maka pembedahan anti reflux terpaksa dilakukan. Ia boleh dilakukan secara laparoskopik dan dipanggil fundoplication.

Fundoplication dilakukan dengan mengikat bahagian atas perut iaitu fundus di sekeliling pengujung esofagus. Tujuannya adalah untuk mengetatkan otot pada LES untuk mengelakkan asid lambung berlaku. Pemulihan dari pembedahan ini akan mengambil masa 2 ke 3 minggu.


Tetapi untuk mengelakkan pembedahan atau ubatan, cara yang terbaik ialah mengikuti cara pemakanan yang baik dan gaya hidup yang sihat.

Elakkan:

- Memakan makanan yang bergoreng, makanan berlemak dan makanan pedas yang banyak.
- Tidak terus berbaring selepas makan. Sebaiknya berikan masa 2-3 jam untuk berbaring selepas makan
- Meninggikan posisi kepala semasa tidur menggunakan bantal yang ditumbuk. Posisi kepala yang lebih tinggi daripada tubuh membantu mengurangkan sakit pada ulu hati kerana asid lambung
- Menghindari merokok dan meminum arak
- Mengelakkan obesiti

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut mengenai masalah GERD, anda boleh berhubung dengan Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131

Gastroesophageal reflux disease



'Saya lupa belum ada lesen'

Siti Salehah

KOTA LAKSAMANA - "Saya lupa saya tak ada lesen motosikal. Siang tadi (semalam) pun lupa nak tengok cukai jalan motosikal ini tamat tempoh atau belum," itu alasan diberikan seorang lelaki selepas ditahan penguat kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Dia antara yang dikenakan saman dalam Operasi Penguatkuasaan Sempena Tahun Baharu Cina 2022 oleh JPJ Melaka di Jalan Syed Abdul Aziz, 31 Jan lalu.

Lelaki berusia 25 tahun itu mendakwa menunggang motosikal terabit kerana memberi pinjam kereta miliknya kepada rakan yang mempunyai urusan di Kuala Lumpur.

"Kawan saya nak guna kereta kerana dia perlu bawa barang ke Kuala Lumpur. Niat saya nak bantu dia saja."

"Jadi saya beri pinjam kereta dan saya guna motosikal miliknya tak sangka jadi macam ini," katanya yang dikenakan dua saman.

Sementara itu Pengarah JPJ negeri Muhammad Firdaus Sharif berkata, dalam operasi selama empat jam itu yang berakhir 12 tengah malam pihaknya memeriksa 750 buah kenderaan.

"Hasilnya sejumlah 170 kenderaan diambil tindakan dengan 176 saman bernilai kira-kira RM37,800 atas pelbagai kesalahan dikeluarkan kepada pemandu, penunggang dan pemilik kenderaan.

"Kesalahan paling tinggi membabitkan insurans dan lesen kenderaan motor (LKM) tamat tempoh dengan 114 kes, diikuti tiada lesen memandu 47 dan cermin gelap sebanyak 45 kesalahan," katanya.

Menurutnya, kesalahan yang turut dikesan dalam operasi itu ada-

lah nombor pendaftaran tidak mengikut spesifikasi ditetapkan dan kesalahan teknikal dengan 18 kesalahan.

Mengulas lanjut, Muhammad Firdaus berkata, sepanjang Tahun Baharu Cina ini juga pihaknya turut membuat penguatkuasaan di depoh bas ekspres, Terminal Melaka Sentral dan penyamaran anggota di dalam bas ekspres.

"JPJ bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) juga turut memeriksa seramai 126 pemandu bas dan hasil ujian saringan air kencing dijalankan tiada sebarang kes membabitkan dibawah pengaruh dadah dikesan.

"Malah seramai 12 penguatkuasa juga turut melakukan penyamaran ke atas bas ekspres yang menghala dari Melaka ke Utara dan Melaka menghala ke Selatan," katanya.



ANTARA pengguna jalan raya diperiksa JPJ dalam Operasi Tahun Baharu Cina 2022, 31 Jan lalu.

61 premis judi kena serbu



ANTARA tangkapan dan premis judi yang diserbu Polis Melaka sepanjang bulan lalu.

AYER KEROH - Sebanyak 61 serbuan membabitkan aktiviti perjudian dijalankan polis negeri ini untuk bulan pertama tahun ini.

Ketua Polis Melaka Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali berkata, daripada jumlah itu judi dalam talian merekodkan serbuan tertinggi dengan 37 serbuan, diikuti loteri awam tanpa lesen (23) dan satu serbuan membabitkan judi tempat bebas.

Katanya, seramai 70 individu turut ditahan bagi membantu siasatan.

"Susulan itu juga polis turut merampas 40 biji telefon bimbit dipercayai digunakan dalam aktiviti perjudian serta sejumlah wang tunai berjumlah kira-kira RM9,000 turut dirampas," katanya.

Menurut beliau, sepanjang tahun lalu juga sebanyak 862 serbuan dilakukan antaranya membabitkan aktiviti perjudian premis perjudian tambah nilai, 'calling center', loteri awam tanpa lesen serta judi dalam bangunan.

"Daripada jumlah itu juga

pihak polis dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB) turut menjalankan tindakan pemotongan bekalan elektrik ke atas premis perjudian tanpa lesen.

"Polis Melaka juga berjaya membuat 1,047 tangkapan serta merampas wang tunai dipercayai digunakan untuk pertaruhan berjumlah RM159, 269," katanya.

Mengulas lanjut, Abdul Majid berkata, tindakan serbuan, tangkapan serta rampasan dilakukan sepanjang tahun lalu memberi impak besar kepada individu serta sindiket perjudian khususnya yang aktif di negeri ini.

"Pihak polis memandang serius aktiviti perjudian dan sentiasa fokus serta komited dengan mengambil tindakan berterusan dalam usaha menangani aktiviti tidak bermoral ini.

"Kerjasama masyarakat dalam menyalurkan maklumat membabitkan kegiatan judi amat dialu-alukan dan ianya amat membantu pihak polis dalam merealisasikan aktiviti perjudian dihapuskan," katanya.

Polis Melaka keluar saman RM1.3 juta

Fiqah Jamal

AYER KEROH - Dalam tempoh lima hari Op Selamat 17 dilaksanakan Jabatan Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Melaka mengeluarkan 4,279 saman dengan nilai hampir RM1.3 juta.

Ketua Jabatan Siasatan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Negeri Superintendant Hasan Basri Yahya berkata, saman itu dikeluarkan bermula 28 Jan hingga 1 Feb, melibatkan pelbagai jenis kesalahan.

Katanya, dalam tempoh itu sebanyak 226,178 kenderaan masuk ke Melaka dengan purata kemasukan sehari lebih 42,000 kenderaan berbanding 189,001 kenderaan keluar melalui tiga pintu masuk plaza tol ke negeri ini.

"Melalui Op Selamat 17 bermula 28 Jan lalu sehingga semalam, JSPT Melaka telah memeriksa 3,137 kenderaan melalui 27 ope-

rasi dan mengeluarkan 4,279 saman.

"Nilai dikenakan untuk setiap saman adalah RM300 kerana Op Selamat tiada pengurangan, sekali gus menjadikan keseluruhan saman bernilai lebih RM1.28 juta.

"Nilai saman dikeluarkan meningkat meningkat sebanyak 366 saman berbanding Op Selamat 16 pada 2020 iaitu sebanyak 3,910 saman," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas mengetuai Ops Selamat 17 di Plaza Tol Ayer Keroh di sini 2 Feb lalu.

Mengulas lanjut, Hasan Basri berkata, sepanjang operasi terbabit, beberapa siri tangkapan berjaya direkodkan.

"Sebanyak sembilan tangkapan dibuat sepanjang op kali ini melibatkan tiga tangkapan Op Mabuk, tiga tangkapan dalam Op Samseng Jalanan, dua tangkapan melibatkan dadah dan satu tangkapan menggunakan nombor plat palsu," katanya.



HASAN (kanan) mengetuai Op Selamat 17 yang diadakan di Plaza Tol Ayer Keroh.

Padah langgar lampu isyarat

Farah Suhaidah Othman

ALOR GAJAH - Akibat melanggar lampu isyarat merah, pasangan adik beradik parah dilanggar lori di persimpangan lampu isyarat Simpang Ampat, Lebuh Alor Gajah-Melaka Tengah-Jasin (AMJ), 31 Jan lalu.

Menerusi video 'dashcam' yang tular di media sosial penunggang berkenaan bukan sahaja melanggar lampu isyarat merah malah tidak menghiraukan aliran trafik dari arah Plaza Tol Simpang Ampat menghala ke Alor Gajah.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah Superintendant Arshad Abu ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan berhubung kemalangan berkenaan.

Katanya, siasatan awal mendapati kemalangan berlaku apabila lori dipandu lelaki berusia 28 tahun meneruskan perjalanan ketika lampu isyarat menunjukkan warna hijau.

"Pada masa sama, penunggang motosikal yang dari arah bertentangan memblok ke kanan sebelum dirempuh lori berkenaan.

"Akibat kemalangan itu, penunggang dan pembonceng yang merupakan dua beradik masing-masing berusia 28 dan 19 tahun parah pada anggota badan, manakala pemandu lori tidak cedera," katanya.

Arshad berkata, setakat ini dua bera-

dik berkenaan dirawat di Zon Merah Hospital Alor Gajah dan mereka dilaporkan masih belum sedarkan diri.

"Pemandu lori dan kelindan berusia 28 tahun diminta hadir ke Balai Polis Trafik Alor Gajah untuk siasatan lanjut.

"Kedua-dua kendaraan dibawa ke balai sama untuk pemeriksaan PUSPA-KOM dan kes disiasat mengikut Seksyen 43(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya.


Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) negeri, Superintendant Hasan Basri Yahya memaklumkan sebanyak 56 kes kemalangan akibat melanggar lampu isyarat direkodkan di Melaka dalam tempoh lima hari bermula 28 Jan sehingga 1 Feb.

Menurutnya, daripada jumlah itu 10 kes melibatkan mangsa cedera parah dan 46 kes melibatkan mangsa cedera ringan.

"Rata-rata kemalangan yang berlaku dipercayai disebabkan sikap kurang sabar masyarakat ketika berada di lampu isyarat.

"Kita boleh tengok betapa masyarakat kurang bersabar menunggu di lampu isyarat dan kebanyakan kes adalah kerana menekan minyak (pandu laju) ketika lampu isyarat berkelip pada warna kuning.

"Ada juga yang cuba potong barisan di lampu isyarat kerana dipercayai mahu cepat dan menyebabkan kemalangan," katanya.



SERETAN tayar lori yang cuba mengelak motosikal ditunggang dua beradik di lampu isyarat Simpang Ampat

BANDAR BARU SUNGAI UDANG, MELAKA

(BELAKANG KFC)



RUMAH TERES 1 TINGKAT
24x65' | 24x84'
dari RM266,000.00




RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT
60' x 70'
dari RM472,000.00

KEDAI 2 TINGKAT
24' x 65'
dari RM548,000.00

CENGAL PADU SDN BHD

G-26, Jalan KPMJ 3, Kompleks Perniagaan Musai Jaya, 75400 Melaka

06-264 4212 016-661 5783 <http://www.wasap.my/60166615783>

Lima beranak sesat di Bukit Beruang

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Tiga kanak-kanak antara lima individu dilaporkan sesat di Bukit Beruang Hill, di sini, 29 Jan lalu.

Kesemua mereka yang dipercayai seke luarga bagaimanapun berjaya diselamatkan sepasukan bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Keroh.

Menurut Komander Operasi Penguasa Bomba Kanan II Mohd Sany Sahari, pihaknya menerima panggilan pada jam 10.57 pagi dan tiba ke lokasi lima minit kemudian.

Katanya, operasi menyelamat berjalan selama kira-kira 30 minit dengan kekuatan 10 anggota.

"Setibanya di lokasi kejadian didapati benar terdapat lima mangsa tersesat iaitu sebuah keluarga terdiri daripada seorang lelaki dewasa, seorang wanita dewasa, dua kanak lelaki dan seorang kanak-kanak perempuan.

"Anggota bomba melakukan operasi mencari dan menyelamat di pencawang Telekom Malaysia sebelum menjumpai kelima-lima mangsa dalam keadaan selamat.

"Mereka kemudian dibawa turun oleh pasikan bomba dan diserahkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata, operasi tamat pada jam 11.49 pagi dan jentera bersama anggota ber tolak pulang ke balai.





TARIAN singa dan naga kembali memeriahkan sambutan Tahun Baharu Cina pada tahun ini.



ANAK muda antara tulang belakang tarian singa dan naga di Melaka.

Dulu sunyi, kini 'Singa' dan 'naga' kembali!

Faris Haikal Zakaria

MELAKA - Sambutan Tahun Baharu Cina tidak bermakna tanpa persembahan tarian singa dan naga kerana ia mempunyai simbolik tersendiri dalam menyerjemahkan kebudayaan masyarakat Tionghua.

Sebagaimana tahun lalu, tarian itu tidak dibenarkan dalam prosedur operasi standard (SOP) kerajaan pada perayaan itu bagi membendung penularan wabak COVID-19.

Berbeza pada tahun ini, selepas dua tahun Persatuan Singa dan Naga Gao Feng kembali menerima

hampir 100 jemputan persembahan ke rumah pelanggan mahupun majlis makan besar di hotel-hotel.

Pengasasnya, Yong Kheng Chien ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI) berkata, perkara itu bukan sahaja memberi kelegaan buat pihak persatuan, malah kaum Cina yang lama merindui aksi-aksi comel dan akrobatik dari sang singa dan naga selama ini.

"Menjelang perayaan Tahun Baharu Cina ini, kami bersyukur dapat buat persembahan tarian singa kerana dalam kepercayaan kaum kami, tarian singa



YONG Kheng Chien

dan naga boleh membawa 'ong' dan menghalau anasir-anasir jahat dalam rumah pelanggan.

"Tahun lepas tak ada tarian singa. Memang rasa kosong dan itulah kali pertama saya beraya dengan keluarga sepanjang riwayat saya jadi tok guru tarian ini."

"Jadi sempena tahun harimau, kita siapkan kepala singa bercorak harimau untuk menarik perhatian."

"Kita memang menunggu masa sahaja untuk menghiburkan orang ramai," katanya.

Tambah Yong, perubahan persatuan itu pada asalnya adalah gabungan sekumpulan pelajar daripada sekolah berbangsa Melayu sejak tahun 1995.

"Gao Feng maknanya 'puncak' atau 'high' kerana kita semua dari Sekolah (Menengah Kebangsaan) Tinggi Melaka dan masa itu kita ada sekumpulan pelajar yang semua tak tahu berbahasa Cina berkecimpung dalam tarian singa."

"Memang dah biasa kalau tiap kali raya, saya akan bawa peserta saya menari singa sampai lebih kurang 15 hari berpisah daripada keluarga untuk buat persembahan."

"Mereka ingatkan tarian singa ini sebagai sukan di sekolah-sekolah kerana kita tak nak sukan ini popular sebagai kebudayaan yang dimainkan oleh sebahagian kaum sahaja," katanya.

tengok kita, itu yang buatkan rasa seronok sangat," katanya.

Mengambil semangat tahun harimau, Yong yang pernah membawa persatuan itu menjuarai tarian singa dan naga di Macau pada tahun 2018, Taiwan (2019) dan China (2019) itu nyata tidak mahu berdiam diri dan mula membuat latihan sejak hujung tahun lalu.

"Kita nak jadikan tarian singa ini sebagai sukan di sekolah-sekolah kerana kita tak nak sukan ini popular sebagai kebudayaan yang dimainkan oleh sebahagian kaum sahaja," katanya.

Makan besar istimewa buat 'Uncle Meng'

Norizan Abdul Muhiid

DUYONG - Kerana kurang berkemampuan menu makan besar sempena Tahun Baharu Cina bagi Lim Meng Leong, 63, dan adiknya, Lim Poh Siung, 52, hanya ala kadar saja.

Bagi meneruskan kehidupan Meng Leong bergantung kepada adiknya yang memperoleh pendapatan sekitar RM1,000 setiap bulan hasil upah menjahit dan bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berjumlah RM500.

Namun pendapatan Poh Siung terjejas teruk selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hampir dua tahun.

Atas dasar prihatin Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Duyong, Mohd Noor Helmy Abdul

Halem, singgah ke kediaman dua beradik itu di Kampung Padang Semabok untuk menceriakan mereka, baru-baru ini.

Lebih istimewa apabila Mohd Noor Helmy turut membawa bersama iknan jenahak bakar yang menjadi makanan kegemaran Meng Leong.

"Kami buat keputusan untuk singgah kerumah dua beradik ini selepas mendapat mereka tercincir sebagai penerima bantuan RM200 diajuhkan sebelum ini."

"Menyedari hal itu, saya mengatur majlis khas ini untuk sampaikan bantuan sekali gus meraih mereka sempena Tahun Baharu Cina."

"Hati saya tersentuh, kerana ketika bertanyakan pada Meng Leong apa yang dia mahu makan pada

makan besar kali ini, katanya dia sudah lama teringin makan ikan jenahak jadi saya penuhi hasratnya," katanya.

Mohd Noor Helmy

Sementara itu Meng Leong yang tempang kaki kanan sejak kecil berkata, sambutan Tahun Baharu Cina kali ini dianggap sebagai amat istimewa dan luar biasa.

"YB bukan sahaja datang ke rumah tetapi makan bersama saya dan adik, jarang makan besar kami berdua meriah seperti ini," katanya.



MENG Leong (kiri) menceritakan sesuatu mengenai sejarah hidupnya kepada Mohd Noor Helmy sambil diperhatikan adiknya, Poh Siung di rumah mereka di Kampung Padang Semabok, Duyong.

Gua Reptilia, mandi gajah tarikan baharu Zoo Melaka

Faiz Hasan

AYER KEROH - Gua Reptilia dan aktiviti mandi gajah dijangka mampu menjana pulangan besar dan menarik lebih ramai pengunjung ke Zoo Melaka.

Pengaruhnya, Zanariah Khamis berkata, gua menempatkan pelbagai jenis reptilia sedang dalam pembinaan itu dijangka siap tidak lama lagi dan dibuka kepada orang ramai Ogos depan.

"Cadangan membina sebuah gua menempatkan pelbagai jenis reptilia bertujuan memberi peluang kepada pengunjung melihat kehidupan haiwan itu seperti di habitat sebenar."

"Kita juga akan membaik pulih dan bina sebuah kolam di kawasan gajah, sekali gus membolehkan orang ramai menyaksikan gelagat mamalia gergasi itu mandi dan bermain air," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Zanariah berkata, bermula Mac pula pengunjung Zoo Melaka berpeluang merasai pengalaman menyusukan gajah.

Katanya, perancangan lain bakal dilaksanakan adalah membesarkan lagi rumah burung atau 'aviary'.

"Dalam tempoh 10 hari lagi sebuah aviary baharu akan dibuka. Kita juga dalam proses menggantikan pagar baru kerana kemudahan yang sedia ada sudah usang," katanya.

Dalam pada itu, Zanariah memaklumkan jumlah kedatangan pengunjung ke Zoo Melaka semakin meningkat sejak akhir-akhir ini.

Katanya, purata seramai 4,000 pengunjung sehari direkodkan pada cuti sempena Tahun Baharu Cina kali ini berbanding hanya sekitar 600 pengunjung sehari sebelum ini.

"Pengunjung bagi aktiviti 'Night Safari' yang dibuka pada hujung minggu di Zoo Melaka turut meningkat kepada 60 peratus.

"Penambahbaikan kita lakukan seperti laluan 'glow in the dark' dan hiasan lampu membantu meningkatkan jumlah pengunjung daripada 600 kepada 800 orang," katanya.



GELAGAT pengunjung Zoo Melaka memberi makan kepada gajah. Foto Iqmal Haqim Rosman

HARTANAH UNTUK DIJUAL

TAMAN DUYONG BESTARI
DUYONG, MUKIM MELAKA TENGAH, MELAKA
LOT 1446/PT 5236, 5237, 5238, 5239, 5272 & 5273

Harga Bermula dari RM 250,000.00

MUKIM PERNU,
DAERAH MELAKA TENGAH,
MELAKA
LOT 1707 – LOT 1714

Harga Bermula Dari RM 197,000.00

HARTANAH UNTUK DIJUAL

MUKIM BERTAM,
DAERAH MELAKA TENGAH, MELAKA

Harga Bermula Dari RM 697,000.00
Untuk 3unit Bumi Kuota Sahaja

MUKIM BUKIT KATIL, DAERAH MELAKA TENGAH, MELAKA
LOT 2750-2751, 26001 – 26002, 2753-2758 & 2829-2832

Harga Bermula dari RM 88,000.00

Nelayan tersenyum harga belangkas naik

Din Ahmad

TANJUNG BIDARA - Dua tahun lalu harga belangkas cuma RM8 seekor tetapi sekarang sudah naik RM15, berikut permintaan yang tinggi, sekali gus menceriakan nelayan.

Bagi Mohd Ali Abu Bakar, 53, peningkatan harga hidupan marin itu sedikit sebanyak membantu menambah pendapatannya yang bergantung sepenuhnya kepada hasil tangkapan laut.

"Apa sahaja hasil laut tersangkut pada jaring adalah rezeki, saya tidak memilih dan kerana mahu wang lebih saya perlu mempelbagaikan kaedah

menangkapnya.

"Kadang kala tiada ikan melekat pada jaring, jadi saya terpaksa membuang jaring belangkas di pinggir pantai demi sesuap nasi," katanya ketika ditemui di pangkalan nelayan pantai Pengkalan Balak, di sini.

Diaberkata, harga belangkas hanya RM5 seekor lima tahun lalu tetapi meningkat kepada RM8 seekor berikutan perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 2020 yang menyebabkan permintaan melebihi penawaran.

Harga hidupan marin berkenaan naik lagi secara berperingkat tahun lalu sebelum mencecah RM15 seekor sekar-

ang berikutan persaingan antara peraih untuk mendapatkan belangkas sebelum memasarkannya ke Thailand.

Mohd Ali berkata, selain peraih, belangkas turut dijual kepada penggemar makanan eksotik dan enak dimasak lemak cili padi.

"Nak tangkap belangkas ada masanya, jaring hanya boleh dibuang ketika arus dasar laut tidak kuat berdasarkan kalender Islam.

"Mengikut kalender Islam, dalam sebulan ada dua kali arus dasar laut menjadi perlahan, dua kali juga arus menjadi kuat. Tempoh arus menjadi perlahan dan kuat ialah seminggu," katanya.



MOHD Ali menjual belangkas pada harga RM15 seekor di pangkalan nelayan Kampung Pengkalan Balak, Masjid Tanah.



LOKASI jualan cenderamata dan kraftangan di Banda Hilir tidak putus-putus menerima kehadiran pelancong sejak kebelakangan ini.

Peniaga kraftangan kembali bernafas

Siti Salehah

BANDA HILIR - 'Kebanjiran' pelancong ke Melaka terutamanya di kawasan tumpuan nyata melegakan peniaga kraftangan dan cenderamata.

Selepas melalui tempoh sukar susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kini mereka mula mendapat rentak dengan kehadiran pelancong.

Tinjauan Melaka Hari Ini mendapati orang ramai bukan hanya menyerbu lokasi tumpuan Menara Taming Sari, Kota A Famosa dan Bangunan Merah tetapi mereka turut singkah ke gerai jualan untuk membeli topi, baju serta

cenderamata.

Menurut peniaga Muhammad Helmi Abd Mutualib, 23, berkata, kehadiran orang luar datang melancong dan bercuti ke Melaka nyata memberi harapan kepada peniaga untuk kembali bernafas.

Katanya, akibat daripada pelaksanaan PKP sebelum ini ada juga beberapa peniaga yang terkesan sehingga terpaksa menutup peniagaan.

"Alhamdulillah dengan kehadiran pelancong, walaupun tidak seperti sebelum ini tetapi syukur ada rezeki untuk kami.

"Apabila waktu perayaan begini orang ramai kembali bercuti kerana kami peniaga memang

mengharapkan pelancong dari luar," katanya.

Seorang lagi peniaga, Muhammad Ismail, 33, berkata, berbanding cuti sekolah hujung tahun lalu, cuti sambutan Tahun Baharu Cina kali ini menyaksikan lebih ramai pelancong datang ber kunjung ke Melaka.

"Kalau cakap tidak okay tipu-lah, berniaga waktu ini boleh untuk cari makan dan tampung sikit-sikit yang sebelum ini terjejas.

"Untuk tiga, empat hari ini memang ramai tetapi tidaklah semua singgah membeli, adajuga yang lihat sahaja tetapi tidak mengapa, lihat orang ramai kita pun senang hati," katanya.

'Kami tak tahan diganggu kera'

Fiqah Jamal

BEMBAN - "Masalah membatikan kera ini sudah melampau hingga ada yang berani masuk rumah."

"Saya terpaksa sediakan kayu atau batu di dapur untuk halau haiwan liar itu," kata Irwan Nasi Saleh, 36, penduduk Kampung Pondok Kempas, di sini berikutan kediamannya kerap menjadi sasaran kumpulan kera liar mencari makanan.

Menurutnya, penduduk berasa amat kurang senang dengan kehadiran kumpulan kera berkenaan kerana didakwa kerap merosakkan barang dan peralatan rumah.

Katanya, apa yang lebih merisaukan penduduk adalah kumpulan kera berkenaan turut bertindak agresif dan dibimbangi boleh mencederakan orang ramai khusus kanak-kanak.

Diayang tinggal bersama ibu dan duakakak berkata, kehadiran kumpulan kera liar itu me-

nyebabkan aktiviti harian penduduk terganggu malah ada yang risau untuk keluar rumah.

"Kera liar ini juga menganggu ternakan, berani masuk dalam reban, sampai ayam pun takut. Kalau pokok-pokok bunga dan tanaman sekeliling rumah ini jangan cakaplah, hancur semuanya dimusnahkan kera liar."

"Jika sebelum ini, kera-kera itu hanya keluar pada waktu menjelang senja, namun kini tanpa mengira waktu untuk mencari makanan dan merosakkan harta benda penduduk sekitar."

"Haiwan liar ini terlampaui banyak, dalam beberapa kejadian sebelum ini ada penduduk dan kanak-kanak pulang dari sekolah dikejar kera," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Irwan, mewakili penduduk di Kampung Pondok Kempas berharap pihak berwajib dapat membuat sesuatu terhadap kera-kera berkeliaran yang bertindak liar dan ganas.



BANGSAL yang didakwa dirosakkan oleh kumpulan kera liar di Kampung Pondok Kempas.

Leypark Station, macam-macam ada...

Fiqa Jamal

AYER KEROH - Pelbagai persembahan menarik disediakan di LeyPark Station setiap minggu dalam usaha memberikan kepuasan kepada orang ramai berkunjung ke lokasi baru pelancongan itu.

Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datuk Shadan Othman berkata, hampir dua bulan beroperasi, lokasi berkenaan yang sebelum ini lengang semakin mendapat tempat dalam kalangan pengunjung tempatan dan pelancong luar.

Katanya, apa yang membanggakan sepanjang musim cuti perayaan baru-baru ini, lebih 2,000 orang singgah ke lokasi tumpuan pelancong baru itu untuk menyaksikan persembahan menarik diatur pihaknya.

"Persembahan yang kita bawakan, benar-benar menggamit pengunjung untuk datang ke sini bersama-sama keluarga, antaranya kita bawakan khas fire



TARIAN api yang dibawakan khas untuk pengunjung di Leypark Station Ayer Keroh.

dance (tarian api), istimewa untuk pengunjung.

"Pada masa akan datang, kita akan bawakan persembahan lain yang pastinya pengunjung akan nantikan dan sudah semestinya menarik serta sesuai

untuk tontonan seisi keluarga."

"Seperti contoh mungkin kita akan panggil penyanyi dondang sayang atau produk-produk dalam negeri Melaka itu sendiri, di mana program-program di sini se-

tiap minggu berbeza-beza," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui Melaka Hari Ini selepas pertunjukan tarian api di LeyPark Station, di sini, 2 Feb lalu.

Mengulas lanjut, Sha-



dan berkata, berdasarkan rekod dikesan menggunakan aplikasi MySejahtera, lebih 7,000 pengunjung telah singgah ke LeyPark Station yang memulakan operasi bulan lalu.

"Namun kita anggarkan jumlah sebenar lebih dari

pada itu dan kebanyakan pengunjung adalah dari luar negeri yang menginap di hotel-hotel berdekatan.

"Mereka datang menginap bersama keluarga dan berkunjung kesini untuk aktiviti malam," katanya.

Pengkalan Balak kena 'serang'

Faiz Hasan

PENGKALAN BALAK - Pantai Pengkalan Balak terus menjadi pilihan ribuan pelancong yang mahu menghabiskan cuti sempena perayaan Tahun Baharu Cina, baru-baru ini.

Pantai peranginan itu mencatatkan peningkatan berganda jumlah kedatangan pelancong pada cuti umum lalu sehingga menyebabkan trafik sesak.

Tinjauan Melaka Hari Ini di Pantai Padang Kemunting mendapati jalan keluar masuk di kawasan itu sesak dan dipenuhi kenderaan.

Malah, suasana di pantai turut meriah dengan kehadiran keluarga dan anak kecil yang mengambil peluang berkelah sambil mandi-manda.

Seorang peniaga perkhidmatan sukan air menyifatkan kemeriahan pengunjung itu sebagai lubuk rezeki buat mereka.

Peniaga, Alif Aidil Abu Hassan, 18 berkata, perkhidmatan 'banana boat' yang dikendalikan merekodkan peningkatan dua kali ganda sejak cuti

Tahun Baharu Cina lalu.

"Alhamdulillah, sambutan cukup menggalakkan yang mana kita menerima kira-kira 20 trip dari pelancong yang ingin menikmati sukan air di sini," katanya.

Sementara itu, seorang pengunjung, Mohd Hafiz Mohd Yusoff, 40, berkata, beberapa pembangunan infrastruktur perlu dilakukan di kawasan itu untuk memudahkan orang ramai.

Dia dan keluarga yang datang dari Puchong Selangor berkata, antara penambahbaikan yang boleh dilakukan ialah seperti kawalan lalu lintas dan membina lebih banyak tandas awam.

"Saya mencadangkan jalan sehalu di kawasan ini dijaga oleh RELA bagi membantu untuk melancarkan perjalanan.

"Pada masa sama, pihak berkuasa tempatan (PBT) juga harus membina lebih banyak tandas serta menyediakan lebih banyak tong sampah kerana kebiasannya bila orang ramai yang datang sini datang tak jumpa tong sampah, mereka hanya longgok dan tinggalkan saja," katanya.



PANTAI Pengkalan Balak diserbu pengunjung sempena cuti Tahun Baharu Cina, baru-baru ini

Banda Hilir dibanjiri pelancong

Siti Salehah

BANDA HILIR - Lokasi pelancongan dan tempat bersejarah, di sini menjadi tumpuan apabila dipenuhi pengunjung yang datang bercuti kenegeri ini bersemesta cuti panjang Tahun Baharu Cina.

Tinjauan Melaka Hari Ini di beberapa lokasi tumpuan seperti Bangunan Stadthuys, Menara Taming Sari serta Kota A Famosa mula dipenuhi orang ramai seawal pagi lagi.

Malah beca yang sebelum ini 'hilang' dek penangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kembali sibuk membawa penumpang.

Bagi pengayuh beca Shahril Azman, 31, berkata, dengan kehadiran semula pelancong ke Melaka ia dapat membantu semula mencari pendapatan yang terjejas sebelum ini.

"Seakan mati hidup semula, Alhamdulillah boleh bernafas semula selepas lama berhati dan hilang punca pendapatan."

"Kalau lihat pelancong ramai tetapi suasana itu tidak sama seperti cuti Tahun Baru Cina sebelum PKP, sebelum itu memang penuh," katanya.

Bagi peniaga apula, Aisyah Ali berkata, walaupun tidak ramai yang singgah membeli namun sekurang-kurangnya ada sinar buat peniaga untuk kembali bermula.

"Boleh katakan orang ramai tetapi yang membeli tidak ramai namun begitu masih ada yang singgah."

"Kami peniaga mengharapkan orang luar, syukur apabila ramai pelancong luar datang sekurang-kurangnya berjalan barang jualan," katanya.

Sementara itu, hasil pemerhatian mendapati, meskipun banyak lokasi diserbu, namun rata-rata mereka dilihat patuh pada prosedur operasi standard (SOP) seperti memakai pelitup muka dan menjaga penjarakan fizikal.



PENGAYUH beca tidak menang tangan menerima tempahan pelancong di sekitar Banda Hilir.

Beza agama tidak halang sambut raya bersama



Siti Salehah

AYER KEROH - Sambutan Tahun Baharu Cina bagi bekas atlet badminton orang kurang upaya (OKU) Melaka Teoh Swee Poh, 60, kali ini lebih meriah apabila mereka termasuk ahli keluarga berbeza agama berkumpul dibawah satu bumbung.

Kepulangan adiknya, Muhammad Redzuan Teoh Abdullah yang memeluk Islam sejak 13 tahun lalu dan ahli keluarga lain amat menggembirakan ibu mereka Lee Kim Nio, 84.

Swee Poh berkata, meskipun sambutan dibuat secara sederhana ia amat bermakna kerana sudah hampir tiga tahun mereka sekeluarga tidak berkumpul akibat pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP).

"Orang paling gembira adalah ibu, raut wajahnya kelihatan amat ceria kerana dapat melepaskan rindu pada anak-anak, menantu dan cucu.

"Bagi kami hubungan silaturahim dan kekeluargaan amat bernilai meskipun ada yang berbeza agama.



SWEE Poh (dua dari kanan) dan Muhammad Redzuan Teoh (kanan) meraikan Tahun Baharu Cina bersama ahli keluarga.

"Kami menyambut baik ke-longgaran diberikan kerajaan jika tidak pasti suasana sambutan kali

ini hambar seperti ketika PKP dikuatkuasakan," katanya ketika ditemui dirumahnya di Ayer

Keroh Heights, di sini.

Abang sulungnya, Teoh Swee Ann, 61, kini menetap di Sanda-

kan, Sabah berkata, dia terus menempah tiket penerbangan selepas kerajaan mengumumkan ke-longgaran bagi sambutan Tahun Baharu Cina kali ini.

"Tiket penerbangan saya tempah sebulan lebih awal, jika lambat khuatir tidak dapat pulang ke kampung dan merasai nikmat berkumpul bersama seluruh ahli keluarga," katanya.

Sementara itu, isteri Muhammad Redzuan, Nurul Natrah Lukanni Lockman, 35, berkata, layanan dan kemesraan ahli keluarga mentuanya menyebabkan dia tidak kekok untuk meraikan Tahun Baharu Cina bersama-sama.

"Adat masyarakat Baba Nyoya dengan Melayu tidak banyak beza, senang untuk saya bawa diri malah ibu mentua banyak memberi tunjuk ajar, keluarga ini menggunakan Bahasa Melayu jadi tak timbul masalah komunikasi."

"Masakan yang dihidangkan seperti ayam masak sambal dan rendang sama seperti menu masyarakat Melayu menjadikan saya selesa meraikan Tahun Baharu Cina bersama-sama mereka," katanya.



PILIHAN RUANG IKLAN TERBAIK 2022

MELAKA HARIINI

TEMPAHAN IKLAN
018 329 9936



www.melakahariini.my



Melaka Hari Ini



AUTOMOTIF

Kereta
Motosikal
Trak
Bas
Lori



HARTANAH

Perumahan
Rumah Kedai
Lot Tanah



KERJAYA

Sepenuh masa
Separuh masa
Latihan
Skim Graduan



KLASIFIKASI AM

Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
Perabot



NOTIS

Lelongan
Guaman
Kewangan
Tender
Notis Am



Muaythai Melaka bawa pulang enam pingat emas

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Atlet muaythai Melaka beraksi cemerlang apabila merangkul enam pingat emas, empat perak dan enam gangsa dalam Kejohanan Muaythai Antara Kelab-kelab Persatuan Muaythai Malaysia (PMM) Kebangsaan 2022.

Kejohanan yang berlangsung 27 hingga 30 Jan di South City Plaza Seri Kembangan itu menyaksikan dua atlet cilik menjadi antara penyumbang pingat emas buat Melaka.

Mereka ialah Tuan Putra Shahwira Tuan Afendi, 9 yang beraksi dalam kategori 30 kilogram (kg) dan Wan Ayub Wan Asmadi (8 tahun-21kg).

Selain itu, emas turut disumbang oleh seorang atlet remaja berusia 16

tahun dalam kategori 54kg Ahmad Faid Ahmad Aslan, selain atlet wanita Nur Atiqah Zainuddin yang beraksi dalam kategori senior 60kg.

Dua lagi emas masing-masing disumbang atlet senior dalam kategori 54kg dan 81kg iaitu Che Wan Saiful Che Wan Mohd yang juga atlet SUKMA Melaka dan Mohd Afiq Mohd Yassin.

Menurut Presiden Presiden Persatuan Muaythai Negeri Melaka Emrito @ Haris Alias, kejayaan membawa pulang 16 pingat itu dianggap cukup membanggakan dan memberi petunjuk positif dalam mengembangkan lagi sukan itu di bumi borsejarah.

"Pada awalnya kita meletakkan sasaran lima pingat emas, tetapi alhamdulillah kita melebihi sasaran itu apabila membawa



ATLET muaythai Melaka menunjukkan pingat yang diraih di Kejohanan Muaythai Antara Kelab-kelab PMM Kebangsaan 2022.

pulang enam emas, empat perak dan enam gangsa.

"Ia satu pencapaian cukup membanggakan dan pada masa sama ia juga menjadi satu medan menimba pengalaman buat 30

atlet yang dihantar pada kejohanan berkenaan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan, setakat ini seramai tiga atlet muaythai

Melaka telah tersenarai dalam pemilihan Fasa 4 untuk beraksi di Sukan Sea Hanoi, Vietnam yang dijadual pada pertengahan Mei depan.

Katanya, atlet itu ialah

Wan Muhammad Sabri Wan Mohd Zuki dalam kategori 63.5kg -Muaythai; Che Wan Saiful Che Wan Mohd (54kg - kickboxing) dan Nur Atiqah Zainuddin (60kg - low kick boxing).

16 pasukan ragbi lepas geram



ANTARA aksi pemain di Kejohanan Ragbi Tertutup 10 Sebelah Piala Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Masjid Tanah. FOTO: Melaka Rugby

Faiz Hasan

AYER LIMAU - Selepas lebih dua tahun tidak beraksi 16 pasukan ragbi seluruh Melaka berentap pada Kejohanan Ragbi Tertutup 10 Sebelah Piala Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Masjid Tanah, 30 Jan lalu.

Nail Presiden Melaka Rugby, Hasmol Watan Shamsol Bahrin berkata, pengajuran dianggap sebagai aksi pemanas badan kali ini mendapat sambutan amat menggalakkan dalam kalangan veteran dan penuntut Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sekitar negeri ini.

"Kejohanan kali ini memberi peluang kepada peminat sukan ragbi kembali aktif, semua ceria dan mempamerkan permainan terbaik selepas sekian lama tidak beraksi berikutnya penetapan prosedur operasi standard (SOP) bagi menekan penularan COVID-19.

"Kami merancang untuk anjurkan banyak lagi kejohanan tahun ini sebagai persediaan kepertandingan peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

"Alhamdulillah persiapan sedang dilaksanakan membabitkan pelbagai kategori kejohanan ragbi di Melaka," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Pertandingan dimeriahkan lagi dengan kehadiran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Limau, Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer yang juga Presiden Melaka Rugby.

Hameed turut menyampaikan hadiah kepada wakil Politeknik Melaka yang muncul johan pertandingan.



SHADAN (berdiri, tengah) bergambar bersama johan Kejohanan Futsal Piala YDP MPHTJ, Marooni FT.

Futsal bakal jadi acara sukan tahunan MPHTJ

KESIDANG - Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) bercadang mengangkat sukan futsal sebagai salah satu aktiviti sukan tahunan dianjurkan pihak berkuasa tempatan itu.

Yang Dipertua Shadan Othman berkata, memandangkan sukan tersebut mendapat tempat dalam kalangan belia seluruh negara, ia adalah cukup relevan untuk diketengahkan.

Justeru, katanya, MPHTJ akan merancakkan program-program sedemikian dalam usaha melahirkan golongan aktif bersukan di masa akan datang.

"Futsal adalah bola sepak indoor yang merupakan variasi dari bola sepak konvensional."

"Adalah diharapkan, acara sukan ini akan dapat diperkembangkan dan disenaraikan sebagai

salah satu aktiviti tahunan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya pada tahun akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan acara penutup Kejohanan Futsal Piala Yang Dipertua (YDP) MPHTJ di Kompleks Sukan Batu Berendam, di sini, 29 Jan lalu.

Dalam kejohanan itu, sebanyak 48 pasukan termasuk dari Selangor, Pahang, Negeri Sembilan dan Johor berentap bagi merebut piala berkenaan.

Di akhir kejohanan, Marooni FT dinobat johan sekaligus membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM2,500, piala dan medal.

Tempat kedua dan ketiga menjadi milik Hyperich dan MBMB Futsal Fighters yang masing-masing membawa pulang RM1,500 dan RM500 berserta medal.



>>
Melaka bawa pulang
14 pingat ■ 31

MELAKA HARI INI / 7 FEBRUARI - 13 FEBRUARI 2022

Sukan

MELAKA HARI INI

>>
Lepas geram
atas padang
ragbi
■ 31



AKSI Mat Yo di sesi latihan bersama Melaka United. FOTO: MUFC

Mat Yo pilih Melaka United

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BEKAS penyerang skuad kebangsaan Nurshahrul Idlan Talaha atau lebih dikenali sebagai Mat Yo diumum sebagai rekrut terbaru menyertai Kelab Bolasepak Melaka United (MUFC).

MUFC dalam satu kenyataan memaklumkan pemain berusia 35 tahun itu akan menyertai skuad Hang Tuah selepas semusim beraksi bersama Sarawak United FC musim lalu.

"Semoga dengan pengalaman yang dimiliki Nurshahrul bakal membantu Skuad Hang Tuah dalam memberikan cabaran dalam semua pertandingan Liga Malaysia musim ini."

"Selamat menyertai kami di Melaka United Mat Yo," tulis kenyataan dimuat naik MUFC sebentar tadi.

Mat Yo bukan lagi nama asing dalam kalangan peminat sukan tempatan.

Beliau merupakan antara pemain senior

tempatan yang masih beraksi serta pernah beraksi dengan beberapa pasukan Liga Malaysia antaranya bersama Kelantan, Johor Darul Ta'zim, Negeri Sembilan, ATM, Terengganu, Felda United FC dan Pahang.

Selain itu, beliau pernah beraksi bersama kelab Thai League 1, BG Pathum United FC pada 2020.

Beliau juga telah membuat lebih 80 penampilan bersama Skuad Kebangsaan dengan 14 gol di peringkat antarabangsa.

Selain Mat Yo, pemain baharu yang turut memperkasa Melaka United musim 2022 ialah Syahrul Azwari Ibrahim.

Pemain berusia 29 tahun yang sinonim beraksi di sayap kanan ini kembali berhijrah ke Melaka selepas bersama Kelantan United FC musim lalu dan Kedah pada 2019 dan 2020.

Syahrul antara tonggak penting Melaka United pada musim 2018 bersama Ifedayo Olusegun yang turut bakal kembali menyertai Skuad Hang Tuah musim ini.

'Vida' mahu cipta sejarah

KETUA Jurulatih Melaka United Risto Vidaković memasang impian untuk mencipta sejarah baharu bersama skuad Hang Tuah musim ini.

Beliau yang mengambil alih posisi ditinggalkan Zainal Abidin Hassan bertekad untuk memacu kecemerlangan pasukan ke satu tahap yang lebih tinggi.

Katanya, walaupun masih belum memulakan sesi latihan, namun keterujaan untuk bersaing dalam kancang Liga Malaysia buat kali pertama mula dirasai.

"Saya sangat teruja untuk memulakan sesi latihan dan sangat berbesar hati dapat menjadi sebahagian keluarga Melaka United."


"Saya berharap tahun ini, kami dapat beraksi dengan cukup baik dan menjadi antara kelab terbaik dalam Liga Malaysia."

"Kami juga akan berjuang untuk berada di posisi teratas dalam saingan Liga Super musim ini," katanya dalam satu rakaman video yang dimuat naik Kelab Bolasepak Melaka United (MUFC) di Facebook.

Dalam pada itu, Vidaković turut meluahkan keterangan untuk melihat sokongan padu penyokong yang dianggap pemain ke-12 buat pasukan.

"Saya tahu Melaka merupakan antara pasukan yang mendapat sokongan padu penyokong. Saya teruja untuk merasai sokongan itu di atas padang nanti."

"Diharapkan kita dapat mencipta keserasian yang baik musim ini dan semoga kejayaan beroleh untuk pasukan," katanya.



VIDAKOVIC dalam rakaman video sesi pengenalan yang dimuat naik MUFC di Facebook.

Difahamkan, jurulatih dari Bosnia & Herzegovina itu kini sudah tiba di Malaysia dan sedang menjalani kuarantin wajib di ibu kota.

Beliau dijangka akan memulakan sesi latihan dalam masa terdekat.

LIGA SUPER MALAYSIA

Jadual perlawanan Melaka United 2022

PETALING JAYA CITY FC	VS	MELAKA UNITED FC	5 MAC 2022 SABTU STADIUM MBPJ
KEDAH DARUL AMAN FC	VS	MELAKA UNITED FC	6 MEI 2022 JUMAAT STADIUM DARUL AMAN
PENANG FC	VS	MELAKA UNITED FC	8 MAC 2022 SELASA STADIUM BANDARAYA
MELAKA UNITED FC	VS	SABAH FC	5 APRIL 2022 SELASA STADIUM HANG JEBAT
KUALA LUMPUR CITY FC	VS	MELAKA UNITED FC	9 APRIL 2022 SABTU STADIUM KLFA
TERENGGANU FC	VS	MELAKA UNITED FC	10 MEI 2022 SELASA STADIUM HANG JEBAT
SRI PAHANG FC	VS	MELAKA UNITED FC	16 APRIL 2022 SABTU STADIUM DARUL MAKHRU
MELAKA UNITED FC	VS	NEGERI SEMBILAN FC	20 MEI 2022 JUMAAT STADIUM HANG JEBAT
MELAKA UNITED FC	VS	SARAWAK UNITED FC	25 JUNI 2022 SABTU STADIUM HANG JEBAT
MELAKA UNITED FC	VS	JOHOR DARUL TA'ZIM FC	2 JULAI 2022 SABTU STADIUM HANG JEBAT

www.melakaharini.my f @ Melaka Hari Ini M Melaka Tv Grafik : Melaka Hari Ini. Sumber : Malaysian Football League (MFL)